

NOTA

**KESUSASTERAAN
MELAYU KOMUNIKATIF**

2216/1

SPM 2025

دۇسەندەسەكەن ۋەزىر،

ئۈرۈمچى ئىنقىلابىي تەشۋىش
بۆلۈمى

16 دۇسەندەسەكەن 2024

BAHAGIAN A: KAJIAN PROSA

1. KAJIAN PROSA (NOVEL / DRAMA/ CERPEN/PROSA TRADISIONAL)

1.1. Teknik plot

- Pemerian – penceritaan secara langsung oleh pengarang
- Dialog – perbualan antara watak
- Monolog – pengucapan watak seorang diri
- Monolog dalaman – kata-kata hati atau dalam fikiran watak
- Imbas kembali – pengarang menggambarkan semula kisah yang telah berlaku melalui penceritaan atau melalui ingatan watak.
- Imbas muka – pengarang membayangkan peristiwa yang akan terjadi
- Suspens – keadaan yang menimbulkan tanda tanya kepada pembaca.

1.2. Gaya bahasa

- Metafora – gaya bahasa perbandingan secara tidak langsung yang terdiri daripada dua perkataan yang bersifat konkrit dan abstrak. *Contoh: **bunga-bunga harapan, secangkir kasih***
- Simile – gaya bahasa perbandingan yang menggunakan kata banding (*seperti/bagai/umpama/laksana*). *Contoh : gerak-gerinya yang lemah lembut **bagaikan hembusan bayu senja**.*
- Personifikasi - gaya bahasa perbandingan yang memberikan sifat manusia kepada yang bukan manusia. *Contoh : **keinginan malam mendakap** tubuhnya yang hanya berpakaian lusuh.*
- Hiperbola – gaya bahasa perbandingan yang melampau-lampau. *Contoh : **jeritannya yang nyaring menggegarkan alam**.*
- Sinkope** - Pemendekan sesuatu kata dengan menggunakan satu atau lebih huruf atau suku kata daripada tengah-tengah kata.
*Contoh : **mentari (matahari)** , **tak (tidak)** , **ibuku (ibu aku)***
- Bahasa asing (Bahasa Inggeris, Bahasa Arab). *Contohnya; **Oh, your mother.***

1.3. Sudut pandangan pengarang

Cara pengarang mempersembahkan cerita kepada pembaca. Terdapat tiga cara pengarang menyampaikan sudut pandangan:

- Sudut pandangan orang pertama** (penggunaan kata ganti nama diri pertama **aku, saya, kami**)
- Sudut pandangan orang ketiga** (penggunaan kata ganti nama diri ketiga **dia, mereka** atau **nama watak**),

1.4. Persoalan

*Contoh – **Persoalan tentang** kasih sayang dalam keluarga.*

1.5. Perwatakan – pelukisan tentang watak

*Contoh : Raden Menteri **seorang yang** sangat menyayangi isterinya.*

1.6. Nilai – nilai murni/ nilai kemanusiaan/ nilai kemasyarakatan

*Contoh : **nilai kasih sayang, nilai keberanian***

1.7. Pengajaran – mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang

Contoh :

- Kita hendaklah menyayangi ahli keluarga.*
- Kita hendaklah berani menghadapi cabaran dalam kehidupan.*

1.8. Mesej / amanat

Contoh :

- Pengarang mengingatkan pembaca bahawa alam sekitar perlu dijaga agar kelestarian alam terjamin.*
- Alam sekitar harus dijaga untuk menjamin kelestarian alam.*

1.9. Ciri drama

- Ada babak. Contohnya, Babak Kedua.
- Ada pelakon/watak. Contohnya; Mat Piah, Mr.Blackway
- Ada aksi watak. Contohnya; (*Mat Piah sengih*)
- Ada dialog. Contoh; MAT PIAH : Tuan buat apa?
- Ada peralatan/prop. Contoh; Beca Mat Piah

1.10. Jenis-jenis drama

- a) Drama bangsawan – tahun 1940an
Drama bangsawan ialah drama tradisional yang masih belum menggunakan skrip bertulis dan sutradara.
- b) Drama sandiwara – tahun 1950an
- c) Drama realisme – tahun 1960an
Drama realisme ialah drama yang bentuknya lebih dekat dengan realiti kehidupan masyarakat yang diwakilinya.
- d) Drama surrealisme – tahun 1970an
- e) Drama kontemporari -1980an hingga kini.

1.11. Unsur sejarah (Drama Mat Piah)

- a) Tempat bersejarah
- b) Gelaran bersejarah
- c) Peristiwa bersejarah
- d) Tokoh bersejarah
- e) Nama bersejarah

1.12. Unsur Keagamaan

- a) Tokoh agama/ilmuan Islam
Contoh: Hamzah Fansuri
- b) Institusi/Insitusi pengajian berunsur keagamaan
Contoh: Pondok Pasir Tumbuh, masjid
- c) Amalan berunsur keagamaan
Contoh: menunaikan solat isyak berjemaah
- d) Kitab-kitab berunsur keagamaan
Contoh: al-Quran, (nama-nama kitab)
- e) Gelaran / Jawatan berunsur keagamaan
Contoh: lebai, imam, ahli sufi
- f) Kepercayaan berasaskan keagamaan
Contoh: percaya kepada qada dan qada Allah

1.13. Unsur patriotisme

- a) Perasaan cinta akan negara dan bangsa sendiri
Contoh: Zaki mengakui bahawa dia cinta akan negara dan bangsanya yang baru sahaja mengecapi kemerdekaan.
- b) Berpengetahuan tentang sejarah tanah air
Contoh : Zaki menjelaskan kematian ibu Anna yang menjadi mangsa ditembak oleh komunis kerana dia isteri kepada lelaki berbangsa Inggeris.
- c) Berpendidikan dalam bidang sejarah
Contoh : Zaki lulusan Sejarah dari Universiti Cambridge
- d) Menghargai buah-buahan tempatan
- e) Menghargai karyawan tempatan
- f) Mengekalkan nilai berbudi bahasa
- g) Amalan menggunakan bahasa kebangsaan
- h) Perasaan benci terhadap penjajah
- i) Menghormati tokoh negara
- j) Bangga dengan pencapaian bangsa
- k) Kesetiaan kepada raja
- l) Menghormati lambang kebesaran negara.
- m) Bangga sebagai rakyat Malaysia
- n) Semangat setia akan negara
- o) Sanggup berkorban untuk negara

1.14. Ciri Kepemimpinan

- a) Menepati masa apabila berjanji
- b) Bersikap amanah dalam menunaikan tanggungjawab
- c) Bijak dalam menangani situasi
- d) Bersikap prihatin terhadap rakyat
- e) Berani berhadapan dengan musuh
- f) Berani menyuarakan pendapat
- g) Berani mempertahankan hak
- h) Pandai dalam berkomunikasi
- i) Bertanggungjawab terhadap tugas.

1.16. Ciri-ciri Kritikan Sastra.

1. Kritikan Sanjungan

Istilah sanjungan bermaksud pernyataan rasa kagum atau senang terhadap orang lain. Jadi, kritikan sanjungan bermaksud memuji karya dan pengarangnya yang menyerlahkan pemikiran bernas, di samping menampilkan elemen dalam karya yang baik dan menarik.

Contoh kritikan sanjungan

- Kritikan terhadap keadilan Sang Nata dalam menjatuhkan hukuman.
Contoh: Sang Nata telah menghukum permaisuri duduk di luar istana untuk menjaga anjing buruan dan Pelebayu pula telah dijatuhkan hukuman bunuh.

2. Kritikan Pandangan

Pandangan bermaksud menyatakan idea, pendapat dan buah fikiran tentang sesuatu karya dari aspek peristiwa dan elemen-elemen yang terdapat dalam karya.

Contoh kritikan pandangan:

- a) bersyukur kerana ada keluarga yang sanggup memelihara Presiden sebagai anak angkat. Dalam hal ini Presiden perlu bersyukur apabila nakhoda mengambilnya sebagai anak angkat.
- b) mengelakkan diri daripada melakukan rasuah. Dalam hal ini, Presiden telah memberi bayaran yang lumayan kepada pengarang buku biografinya
- c) menjalankan tanggungjawab sebagai Presiden. Dalam hal ini, Presiden perlu menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaik-baiknya

3. Kritikan Saranan

Istilah saranan bermakna anjuran atau sesuatu yang disarankan. Bagaimanapun, istilah ini membawa konotasi lain iaitu sebagai propaganda. Oleh itu kritikan saranan merupakan kritikan yang cenderung menganjurkan sesuatu untuk memperbaiki kekurangan atau memantapkan lagi unsur-unsur yang membina sesebuah karya atau memberi alternatif dari sisi Teknik umpamanya.

Contoh Kritikan Saranan

- a) berusaha dengan gigih untuk mencari rezeki. Contohnya, Mat Piah sentiasa berusaha dengan gigih untuk mencari rezeki walaupun terpaksa berjaga pada waktu sehingga dinihari untuk mencari penumpang
- b) Sentiasa bersabar menghadapi dugaan dalam kehidupan. Contohnya, Mat Piah tetap bersabar walaupun tidak memperoleh wang setelah seharian mengayuh beca.
- c) mempunyai perasaan sayang akan negara
- d) Berasa insaf atas kesalahan yang telah dilakukan.
- e) Mengamalkan sikap jujur dalam menyatakan kebenaran.
- f) Menumpahkan kesetiaan kepada raja.
- g) Tidak menipu untuk kepentingan diri / mengkhianati seseorang.

Kritikan saranan watak

- a) (nama watak) sepatutnya tidak (sikap negatif)
Mr. Blackway tidak sepatutnya memandang rendah terhadap pekerjaan orang lain.
- b) (nama watak) sepatutnya (sikap positif)
Preiden sepatutnya bijak menguruskan kawasan tadahan hujan untuk kegunaan masa kemarau.

1.15. Kritikan sosial

- a) Kritikan terhadap sikap segelintir anak muda yang mengagung-agungkan budaya barat
- b) Kritikan terhadap anak-anak muda yang keliru tentang kepentingan bahasa ibunda.
- c) Kritikan terhadap anak-anak muda yang menyanjung gadis-gadis barat.
- d) Kritikan terhadap masyarakat yang gemar berfoya-foya.
- e) Kritikan terhadap masyarakat yang tidak mematuhi peraturan
- f) Kritikan terhadap penjajah yang tidak menepati penjajah.
- g) Kritikan terhadap pemimpin yang kejam.

1.17. Isu masyarakat

- a) Isu pertentangan budaya
- b) Isu hiburan yang melalaikan dalam kalangan anak muda
- c) Isu kematangan fikiran anak bangsa.

- d) Isu masyarakat yang telah kehilangan adat mereka
- e) Isu masyarakat yang meninggalkan adat yang mengakibatkan kehidupan mereka menjadi susah.
- f) Isu masyarakat yang prihatin dengan kehilangan adat Melayu.
- g) Isu konflik keluarga

1.18. Isu Pertentangan budaya

- a) Budaya Timur yang mewajibkan anak lelaki mendahulukan ibu.
- b) Budaya Timur yang mementingkan kesetiaan anak terhadap ibunya.
- c) Budaya Timur yang mengamalkan falsafah hidup bekerjasama dan bergotong-royong
- d) Budaya Timur yang bencikan penjajah
- e) Budaya Barat yang mengamalkan hidup sendir-sendiri
- f) Budaya Barat isteri yang mahukan kebebasan.

1.19. Citra masyarakat

- a) Citra masyarakat pengamal undang-undang yang mempertahankan hak masing-masing.
- b) Citra masyarakat yang cakna akan sesuatu isu yang berlaku.
- c) Citra masyarakat golongan wartawan yang bijak mengumpul berita.
- d) Citra masyarakat yang berpelajaran tinggi dan profesional dalam bidang masing-masing.
- e) Citra masyarakat yang mementingkan kesederhanaan dalam hidup
- f) Citra masyarakat yang memandang tinggi akan pemimpin mereka.
- g) Citra masyarakat yang mementingkan kekayaan.
- h) Citra masyarakat yang suka bersedekah.

1.20. Latar masyarakat

- a) Masyarakat golongan bangsawan.
- b) Masyarakat pendekar/pahlawan.
- c) Masyarakat Siam/ Melayu.
- d) Masyarakat kampung / bandar.
- e) Masyarakat beragama Islam.

1.21. Pola fikir

Cara berfikir yang mempengaruhi perilaku (*behaviour*) dan sikap (*attitude*) seseorang yang akhirnya menentukan tahap keberhasilan hidupnya.

- a) masyarakat hari ini memikirkan pentingnya teknologi maklumat. Oleh itu, teknologi maklumat sudah mempengaruhi keseluruhan gaya hidup masyarakat hari ini
- b) Mementingkan kasih sayang terhadap ibunya lebih daripada kepentingan diri sendiri.

FAHAMI ARAHAN SOALAN:

1. Nyatakan/Berikan / Senaraikan

- isi (/)
- contoh (X)

2. Nyatakan/Berikan / Senaraikan berserta contoh

- isi (/)
- contoh (/)

3. Huraikan / Jelaskan / Bincangkan / Terangkan

- isi (/)
- contoh (/)

BAHAGIAN B: SASTERA EPIK

SASTERA EPIK: HANG TUAH DIUTUS KE SIAM

1. Ciri Sastera Epik

- a) **Latar tempatnya di alam nyata.**
Hang Tuah dari Melaka telah diutuskan ke Benua Siam untuk membeli gajah.
- b) **Mempunyai unsur luar biasa.**
Laksamana membaca jampi yang menyebabkan bedil tentera Jepun tidak meletup
- c) **Mempunyai unsur kepahlawanan.**
Laksamana Hang Tuah mempunyai sifat kepahlawan yang gagah dan berani. Beliau berjaya mengalahkan Cin Cu dan 7 orang lagi pendekar Jepun.
- d) **Ada unsur peperangan.**
Peperangan antara pasukan Laksamana Hang Tuah dengan tentera Jepun ketika dalam perjalanan pulang ke Melaka.
- e) **Ada unsur pengembaraan.**
Pengembaraan Hang Tuah ke benua Siam untuk membeli gajah.
- f) **Watak adalah tokoh lagenda.**
Laksamana Hang Tuah dianggap lagenda orang Melayu.

2. Keistimewaan watak Hang Tuah

- a) **Menjaga dan mengekalkan adat Melayu**
Hang Tuah menggunakan tipu helah untuk menghadap raja Siam mengikut adat Melayu.
- b) **Mentaati raja dan pemerintah**
Hang Tuah mentaati perintah Raja Melaka supaya pergi ke benua Siam untuk membeli enam ekor gajah.
- c) **Menjaga nama baik dan martabat negara**
Hang Tuah menjaga nama baik pahlawan Melayu apabila berjaya mengalahkan pendekar Jepun yang handal.
- d) **Menjalin hubungan diplomatik yang berkesan.**
Hang Tuah berjaya dalam misi membeli gajah di Siam kerana kehebatan, kemahiran dan keistimewaan yang ada padanya.

3. Keperibadian unggul Hang Tuah

- a) **Hang Tuah merupakan lambang ketaatan bangsa Melayu terhadap raja.**
Hang Tuah mentaati perintah raja Melaka untuk membeli gajah dengan raja Siam.
- b) **Hang Tuah memiliki semangat patriotisme yang tinggi di dalam jiwanya.**
Semasa berada di negeri Siam Hang Tuah telah mengharumkan nama negeri Melaka dengan tindakan dan perlakuan yang menyebabkan dia dipuji.
- c) **Hang Tuah merupakan pahlawan yang handal.**
Hang Tuah tangkas bermain senjata dan berjaya mengalahkan pendekar jepun yang ingin membunuhnya semasa di Siam.
- d) **Hang Tuah mempunyai semangat setiakawan yang tinggi.**
Rombongan ke Siam untuk membeli gajah yang dihadiri juga oleh pengikut-pengikutnya.

4. Ciri Kepemimpinan Hang Tuah

- a) **Bijaksana dalam menangani situasi.**
Hang Tuah memberi alasan bahawa dia mempunyai penyakit yang menyebabkan dia tidak boleh merangkak untuk menghadap raja Siam kerana dia mahu menghadap raja Siam mengikut adat Melayu.
- b) **Berani menghadapi musuh.**
Hang Tuah berani berhadapan dengan Cin Cu dan tujuh orang pendekar Jepun sehingga mereka semua tewas di tangannya.
- c) **Mampu berkomunikasi dengan berkesan.**
Hang Tuah fasih berbahasa Siam dan berkomunikasi dengan baik semasa menghadap raja Siam sehingga raja Siam berasa kagum akan kefasihan dan kesopanannya.
- d) **Bertanggungjawab dalam menjalankan tugas.**
Setelah diutus ke Siam, Hang Tuah berjaya mendapatkan gajah sebagaimana yang diperintahkan oleh raja Melaka.

5. Perwatakan Hang Tuah

- a) **Seorang yang bijaksana.**
Hang Tuah menggunakan kebijaksanaannya supaya dia tidak perlu merangkak untuk menghadap raja Siam, sebaliknya dia menghadap raja Siam mengikut adat Melayu.
- b) **Seorang yang fasih bertutur bahasa asing.**
Hang Tuah fasih berbahasa Siam ketika bertutur dengan raja Siam sehingga raja Siam berasa kagum akan kefasihan berbahasa Siam.

- c) **Seorang yang mentaati pemerintah.**
Hang Tuah mentaati perintah raja Melaka supaya pergi ke Benua Siam untuk membeli gajah.
- d) **Seorang yang tangkas bermain senjata.**
Hang Tuah berjaya mengalahkan pendekar Jepun ketika berlawan senjata. Hang Tuah memarang hidung, bahu dan akhirnya memarang kepala Cin Cu hingga terbelah dua.
- e) **Seorang yang mencintai budaya bangsa.**
Hang Tuah membuat helah semasa menghadap raja Siam kerana dia mahu mengekalkan adat dan budaya Melayu walaupun ketika berada di negara lain.

6. Unsur patriotisme dalam Sastera Epik

- a) **Mematuhi pemerintah**
Laksamana mematuhi perintah Raja Melaka untuk pergi ke Benua Siam membeli gajah.
- b) **Menjalinkan hubungan diplomatik**
Laksamana Hang Tuah serta rombongan dari Melaka menjalinkan hubungan diplomatik dengan Siam dengan membawa surat dari raja Melaka yang mahu membeli gajah.
- c) **Mempertahankan adat dan budaya tradisi bangsa**
Hang Tuah mempertahankan adat Melayu dengan berjalan dan berkeris ketika menghadap Phra Cau walaupun pada mulanya, beliau disuruh menghadap mengikut adat Siam iaitu merangkak sambil menyembah.
- d) **Mempertahankan maruah bangsa daripada musuh**
Hang Tuah mempertahankan maruah bangsa Melayu apabila beliau menerima cabaran untuk bertarung dengan pendekar Jepun yang angkuh.
- e) **Berani menentang musuh negara**
Hang Tuah mempunyai keberanian menentang musuh negara dan berjaya membunuh lima pendekar Jepun termasuk Cin Cu yang angkuh kerana menghina hulubalang Melayu.
- f) **Amanah menjalankan tugas demi negara**
Laksamana amanah menjalankan perintah Raja Melaka untuk membeli gajah dari raja Siam.

7. Pandangan terhadap nilai murni

- a) **Nilai tanggungjawab**
Bendahara mencadangkan Laksamana kepada Raja Melaka sebagai utusan ke benua Siam kerana Laksamana seorang yang bertanggungjawab.
- b) **Nilai kepatuhan**
Laksamana patuh akan perintah Raja Melaka untuk pergi ke Benua Siam membeli gajah.
- c) **Nilai keberanian**
Laksamana berani bertarung dan telah berjaya mengalahkan pendekar Jepun dari Kamboja termasuklah Cin Cu.
- d) **Nilai mengenang jasa**
Phra Cau menghadiahkan empat ekor gajah kepada Laksamana sebagai mengenang jasa Laksamana menyelamatkan baginda semasa pendekar-pendekar Jepun mengamuk.
- e) **Nilai kebijaksanaan**
Laksamana bijak membuat helah kerana tidak mahu merangkak ketika menghadap Phra Cau kerana perbuatan seperti itu boleh menjatuhkan martabat orang Melayu.
- f) **Nilai murah hati**
Laksamana menghadiahkan gendaga dari Berunai kepada Phra Cau.
- g) **Nilai hormat**
Phra Cau menerima kunjungan Laksamana dengan adat mengarak surat dan membenarkan Laksamana masuk menghadap mengikut cara adat Melayu iaitu berjalan dan berkeris.

BAHAGIAN C:

SASTERA HIKAYAT

SASTERA HIKAYAT : HIKAYAT PARANG PUTING

1. Ciri Sastera Hikayat (Hikayat Parang Puting)

- a) Watak dalam cerita meliputi manusia biasa, raja dan juga binatang. Contohnya, watak budak miskin, raja negeri, syahbandar dan juga binatang seperti anak naga, helang dan tikus.
- b) Mempunyai unsur luar biasa atau kesaktian. Contohnya, cincin hikmat dapat menyediakan pelbagai jenis makanan dalam sekelip mata dan parang puting dapat menebang pokok dengan sendirinya.
- c) Terdapat unsur pengembaraan. Contohnya, budak miskin mengembara bersama-sama anak helang dan anak tikus untuk mencari anak naga yang telah menghilangkan diri.
- d) Penggunaan latar tempat yang luas. Contohnya, budak miskin tinggal di kampung, datuk naga tinggal di dalam tasik iaitu Tasik Hijau dan lelaki tua tinggal di dalam hutan.

1. Tema

Keikhlasan dalam melakukan sesuatu perkara boleh membawa kebaikan kepada diri sendiri dan keluarga. Contohnya, hubungan istimewa antara anak ular naga dengan budak miskin membawa tuah kepada budak miskin dan bondanya. Syahbandar dan orang ramai memberikan pelbagai hadiah seperti padi, beras, buah-buahan dan baju kepada budak miskin.

2. Persoalan, Perwatakan, Latar Masyarakat, Nilai dan Pengajaran.

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Kasih sayang manusia terhadap binatang.	Budak miskin memelihara dan menyayangi anak ular naga, anak helang dan anak tikus. Budak miskin susah hati apabila anak ular naga menghilangkan diri dan segera mencarinya.
Perwatakan	Budak miskin seorang yang menyayangi binatang.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang menyayangi binatang.	
Nilai	Kasih sayang	
Pengajaran	Kita hendaklah menyayangi binatang kerana mereka juga makhluk Tuhan.	

3

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Ketaatan kepada pemerintah.	Budak miskin mentaati perintah syahbandar yang meminta budak miskin pergi ke rumah syahbandar yang ingin melihat budak miskin bermain dengan anak ular naga.
Perwatakan	Budak miskin seorang yang taat kepada pemerintah.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang taat kepada pemerintah.	
Nilai	Ketaatan.	
Pengajaran	Kita hendaklah taat kepada pemerintah.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Kebijaksanaan dalam tindakan.	Budak miskin menggunakan kebijaksanaannya untuk mendapatkan tongkat daripada hulubalang naga setelah mengetahui tongkat itu mempunyai kesaktian.
Perwatakan	Budak miskin seorang yang bijaksana.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang bijaksana.	
Nilai	Kebijaksanaan.	
Pengajaran	Kita hendaklah bertindak dengan bijak untuk mendapatkan sesuatu.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Keberanian menghadapi cabaran.	Budak miskin berani pergi ke tengah rimba untuk mencari anak ular naga yang melarikan diri. Dia juga berani meminta cincin hikmat hikmat yang terletak dalam mulut raja naga.
Perwatakan	Budak miskin seorang yang berani.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang berani.	
Nilai	Keberanian.	
Pengajaran	Kita hendaklah mempunyai sikap berani untuk menghadapi cabaran.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Tanggungjawab terhadap keluarga.	Bonda budak miskin bertanggungjawab menyediakan makanan untuk budak miskin serta anak ular naga, anak helang dan anak tikus.
Perwatakan	Bonda budak miskin seorang ibu yang bertanggungjawab.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang bertanggungjawab terhadap keluarga.	
Nilai	Tanggungjawab.	
Pengajaran	Kita hendaklah menunaikan tanggungjawab terhadap keluarga.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Kasih sayang terhadap ahli keluarga.	Bonda budak miskin sangat menyayangi anaknya dan bersedih apabila hambanya tidak menemui budak miskin yang hilang mengikut anak ular naga.
Perwatakan	Bonda budak miskin seorang ibu yang penyayang.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang penyayang.	
Nilai	Kasih sayang.	
Pengajaran	kita hendaklah menyayangi ahli keluarga.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Sikap prihatin seorang pemimpin.	Syahbandar bersikap pemurah kerana memberikan beras, padi dan pakaian kepada budak miskin selepas melihat budak miskin bermain dengan anak ular nagnya.
Perwatakan	Syahbandar seorang yang prihatin.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang prihatin.	
Nilai	Kprihatinan.	
Pengajaran	kita hendaklah bersikap prihatin terhadap orang lain yang menghadapi masalah atau musibah.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Sikap prihatin seorang pemimpin.	Syahbandar bersikap prihatin kerana pergi ke rumah budak miskin sebaik sahaja mengetahui budak miskin hilang bersama anak naga.
Perwatakan	Syahbandar seorang yang prihatin.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang prihatin.	
Nilai	Kprihatinan.	
Pengajaran	kita hendaklah bersikap prihatin terhadap orang lain yang menghadapi masalah atau musibah.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Perasaan belas kasihan terhadap kesedihan orang lain.	Syahbandar berasa belas kasihan melihat bonda budak miskin yang menangis kerana kehilangan anaknya.
Perwatakan	Syahbandar seorang yang mempunyai perasaan belas kasihan.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang mempunyai perasaan belas kasihan.	
Nilai	Belas Kasihan	
Pengajaran	kita hendaklah mempunyai perasaan belas kasihan terhadap orang lain yang menghadapi masalah atau musibah.	

3. Latar Tempat dan Latar Masa

BIL	PERISTIWA	LATAR TEMPAT	LATAR MASA
1	Teman syahbandar pergi ke rumah budak miskin untuk menyampaikan permintaan syahbandar yang mahu melihat budak miskin bermain dengan anak ular nagnya.	Rumah budak miskin	Waktu siang
2.	Bonda budak miskin balik ke rumah pada waktu malam dan segera menanak nasi untuk budak miskin. Budak miskin makan bersama anak ular naga, anak helang dan anak tikus.		Waktu malam
2.	Budak miskin bermain-main dengan anak ular naga, anak helang dan anak tikus di rumah syahbandar. Dia meminta izin untuk pulang apabila hari sudah petang.	Rumah syahbandar	Waktu pagi hingga petang
3.	Budak miskin bermain-main dengan anak ular naga, anak helang dan anak tikus di balai raja dan dia mohon pulang apabila malam.	Balai istana raja	Waktu malam
4.	Budak miskin bersama anak helang dan anak tikus mencari anak ular naga yang lari hingga ke tengah rimba.	Tengah rimba	Waktu siang
5.	Budak miskin bertemu dengan raja naga dan meminta cincin hikmat yang terletak di dalam mulut raja naga sebagai membalas jasanya menjaga anak ular naga.	Tasik Hijau	Waktu siang
6.	Budak miskin melihat sebilah parang puting yang menebang pokok dengan sendirinya dan cuba mendekati parang puting tersebut.	Di dalam hutan	Waktu siang
7.	Budak miskin tumpang bermalam di rumah orang tua pemilik parang puting. Budak miskin mendapat makanan untuk mereka dengan menggertakkan tongkat hikmatnya.	Rumah orang tua di dalam hutan	Malam

4. Sanjungan terhadap budak miskin/ Keperibadian unggul budak miskin

a) Sayang terhadap haiwan peliharaan

Budak miskin memelihara dan menyayangi anak ular, anak tikus, dan anak helang sebagai sahabatnya. Budak miskin susah hati keluar ke hutan mencari anak ular naga yang hilang secara tiba-tiba.

b) Taat kepada perintah/ arahan

Budak miskin pergi ke rumah Syahbandar setelah teman Syahbandar menyampaikan hasrat bahawa Syahbandar ingin melihat dia bermain-main dengan anak ular naga itu.

c) Bijak dalam melakukan sesuatu tindakan

Budak miskin memilih untuk mendapatkan cincin hikmat yang terdapat dalam mulut raja naga sebagai hadiah menjaga anak ular naga.

- d) **Hormat terhadap ibu bapa.** Contohnya, budak miskin menghormati bondanya. Dia segera naik ke rumah apabila bondanya pulang ke rumah.
- e) **Setiakawan dalam persahabatan.** Contohnya, budak miskin bersama-sama anak helang dan anak tikus keluar mencari anak ular naga yang telah melarikan diri.
- f) **Berani dalam menghadapi dugaan.** Contohnya, budak miskin berani berjalan di dalam hutan ketika mencari anak ular naga dan ketika berjalan pulang ke rumah.

5. Sanjungan terhadap perwatakan Syahbandar

- a) **Murah hati terhadap orang lain.** Contohnya, syahbandar telah menghadiahkan beras, padi dan kain baju kepada budak miskin setelah budak miskin dan anak ular naga selesai membuat persembahan di rumahnya.
- b) **Taat kepada pemerintah.** Contohnya, syahbandar mentaati perintah raja yang memintanya membawa budak miskin ke istana untuk membuat persembahan bersama-sama anak ular naga.
- c) **Prihatin terhadap rakyat.** Contohnya, syahbandar menziarahi bonda budak miskin setelah mengetahui budak miskin telah hilang bersama-sama anak ular naga.
- d) **Belas kasihan terhadap nasib orang lain.** Contohnya, syahbandar turut menangis apabila melihat bonda budak miskin meratapi kehilangan anaknya itu.
- e) **Berbudi bahasa dalam tindakan.** Contohnya, syahbandar memohon izin daripada bonda budak miskin untuk pulang ke rumah setelah menziarahi bonda budak miskin.

BAHAGIAN D: SASTERA PANJI

SASTERA PANJI : RADEN PUSPA KENCANA

1. Ciri Sastera Panji (*Raden Puspa Kencana*)

- a) Watak utama merupakan watak anak raja – *Raden Inu Kertapati / Raden Menteri merupakan anak kepada Sang Nata dan Permaisuri*
- b) Watak dari kalangan putera atau puteri raja – *Raden Inu Kertapati dan Raden Puspa Kencana / Ken Tambohan ialah putera dan puteri raja.*
- c) Watak utama mempunyai watak pembantu – *Raden Inu Kertapati mempunyai watak pembantu ialah Wira Wani.*
- d) Ada unsur kesaktian – *Raden Inu Kertapati dan Ken Tambohan dapat dihidupkan semula oleh Betara Kala.*
- e) Ada unsur perkahwinan – *Raden Inu Kertapati berkahwin dengan Ken Tambohan*
- f) Percaya kepada mimpi – *Raden Inu Kertapati bermimpi Ken Tambohan ditangkap harimau lalu ghaib. Mereka menangis kerana percaya maksud mimpi itu ialah mereka akan berpisah.*
- g) Ada unsur pengembaraan – *Raden Inu Kertapati mengembara ke hutan untuk memburu kijang dan peland*

2. Tema

Percintaan antara sesama insan.

Raden Inu sangat mencintai Ken Tambohan sehingga sanggup membunuh diri setelah melihat mayat Ken Tambohan bersama mayat dua orang pengasuhnya di atas rakit semasa dia berburu kijang dan pelanduk di dalam hutan.

3. Persoalan

a) Kezaliman yang dilakukan oleh seseorang ibu.

Permaisuri telah menitahkan pelebayu untuk membunuh menantunya iaitu Ken Tambohan kerana dia tidak suka Raden Inu mengahwini Ken Tambohan, seorang puteri tawanan.

b) Ketaatan seorang anak kepada ibu bapa.

Raden Menteri menghadap bondanya apabila permaisuri menyuruhnya menghadap dengan segera. Raden Menteri juga mentaati perintah bondanya supaya pergi berburu kijang dan pelanduk di dalam hutan.

c) Kesetiaan sepasang suami isteri.

Raden Inu sangat setia akan isteri kesayangannya iaitu Ken Tambohan hingga sanggup membunuh diri setelah melihat mayat Ken Tambohan di atas rakit semasa dia berburu kijang dan pelanduk di dalam hutan.

d) Kepatuhan kepada pemerintah.

Pelebayu mematuhi perintah permaisuri supaya membawa Ken Tambohan bersama dua pengasuhnya iaitu Ken Tadahan dan Ken Penglipur ke dalam hutan untuk dibunuh.

e) Pembalasan yang diterima oleh seseorang akibat perbuatannya yang kejam. Contohnya, Pelebayu dihukum bunuh dan rumahnya dibakar. Permaisuri pula dihukum agar berada di luar istana untuk menjaga anjing perburuan banginda.

f) Perasaan simpati terhadap insan yang bernasib malang.

Betara Guru (dewa kayangan) bersimpati terhadap nasib yang menimpa Raden Inu dan Ken Tambohan dan menitahkan Betara Kala untuk turun ke bumi supaya menghidupkan kembali pasangan suami isteri tersebut.

4. Nilai Murni dan Pengajaran

a) Nilai kasih sayang./ Kita hendaklah menyayangi antara satu sama lain.

Raden Inu Kertapati (Raden Inu, Inu Bangsawan, Raden Menteri) sangat mencintai isterinya iaitu Raden Puspa Kencana (Ken Tambohan). Baginda sanggup membunuh diri setelah melihat mayat Ken Tambohan di atas rakit yang hanyut di sungai.

b) Nilai kesetiaan./Kita hendaklah setia terhadap pasangan.

Raden Inu sangat setia akan isteri kesayangannya iaitu Ken Tambohan. Oleh itu, sebaik sahaja baginda melihat mayat isterinya di atas rakit, baginda menangis dan membunuh diri dengan menikam dadanya.

c)Nilai simpati. / Kita hendaklah bersimpati terhadap insan yang bernasib malang.

Betara Guru (dewa kayangan) bersimpati terhadap nasib yang menimpa Raden Inu dan Ken Tambohan. Oleh itu, Betara Guru menitahkan Betara Kala untuk turun ke bumi dan menghidupkan kembali pasangan suami isteri tersebut.

d) Nilai keadilan. / Kita hendaklah bersikap adil dalam menjatuhkan hukuman.

Sang Nata bersikap adil dengan menitahkan agar Pelbaya dihukum bunuh dan rumahnya dibakar. Permasuri pula dihukum agar berada di luar istana untuk menjaga anjing perburuan baginda kerana mengarahkan Pelebaya membunuh Ken Tambohan.

5. Saranan watak Raden Menteri

a) Sabar menghadapi dugaan. Contohnya, Raden Menteri seharusnya bersabar apabila menghadapi dugaan kematian isterinya Ken Tambohan.

b) Reda akan ketentuan Tuhan. Contohnya, Raden Menteri seharusnya reda dan menerima ketentuan bahawa isterinya sudah mati.

c) Tidak bersikap terburu-buru. Contohnya, Raden Menteri tidak seharusnya bersikap terburu-buru dengan membunuh diri setelah melihat mayat isterinya.

6. Isu Masyarakat

a) Isu perkahwinan tanpa restu ibu bapa dalam masyarakat. Contohnya, permaisuri tidak merestui perkahwinan antara Raden Menteri dengan Ken Tambohan.

b) Isu jodoh yang ditentukan oleh ibu bapa dalam masyarakat. Contohnya, permaisuri menentang perkahwinan Raden Menteri dengan Ken Tambohan telah menentukan jodoh Raden Menteri dengan puteri raja dari Bandar Kulon.

c) Isu mementingkan darjat dalam masyarakat. Contohnya, permaisuri menyatakan bahawa Ken Tambohan tidak layak menjadi isteri Raden Menteri kerana Ken Tambohan merupakan puteri tawanan.

d) Isu kezaliman dalam masyarakat. Contohnya, permaisuri bertindak kejam kerana mengarahkan Pelebaya membawa Ken Tambohan ke dalam hutam untuk dibunuh.

7. Pandangan Nilai

a) Nilai kerjasama dalam melaksanakan tugas. Contohnya, Raden Menteri bersama-sama dengan pengiring-pengiringnya pergi berburu di dalam hutan.

b) Nilai kegigihan dalam mendapatkan sesuatu. Contohnya, Raden Menteri dan kedayannya berusaha untuk menangkap burung walaupun sukar dan terpaksa memasuki kawasan larangan tempat puteri-puteri tawanan.

c) Nilai kepatuhan terhadap ibu bapa. Contohnya, Raden Menteri patuh terhadap perintah permaisuri supaya pergi berburu kijang dan pelanduk walaupun terpaksa meninggalkan Ken Tambohan yang baru dikahwininya.

d) Nilai keadilan dalam menjatuhkan hukuman. Contohnya, Sang Nata bersikap adil dengan menitahkan agar Pelbaya dihukum bunuh dan rumahnya dibakar, manakala Permasuri pula dihukum agar berada di luar istana untuk menjaga anjing perburuan baginda kerana mengarahkan Pelebaya membunuh Ken Tambohan.

BAHAGIAN E:

CERPEN

TEMA CERPEN

BIL	TAJUK CERPEN	TEMA
1	000000000000	Jati diri manusia yang lemah. Contohnya, Dol yang digilai oleh jutaan peminat kerana imejnya sebagai penyanyi rock yang berpenampilan barat, padahal langsung tidak membawa apa-apa nilai kepada masyarakat.
2	RINDU SEORANG RAFIK	Ikatan persahabatan yang utuh sehingga menimbulkan kerinduan apabila sahabat karib menyepikan diri. Contohnya, Aku terasa kehilangan Rosa yang dianggap sebagai rafik atau sahabat sejati sejak Rosa menyepikan diri. Selama tiga bulan Rosa tidak membalas e-mel, surat dan panggilan telefon daripada aku iaitu sejak terjadinya percanggahan pendapat tentang Pedra Branca atau Pulau Batu Putih.
3	RES JUDICATA	Usaha seorang peguam untuk mendapatkan keadilan yang difikirkan sesuai untuk dirinya dan masyarakat. Contohnya, seorang peguam telah menyaman KTN kerana koc syarikat pengangkutan tersebut yang dinaikinya terlambat tiba daripada yang sepatutnya. Hal ini telah menyebabkan dia terlepas penerbangan dan terlepas peluang menghadiri mesyuarat berkaitan sebuah kontrak bernilai 27 juta ringgit Indonesia.
4	NAMUN ITULAH HAKIKATNYA	Kegigihan seorang tua merealisasikan hasrat tanpa mepedulikan cabaran yang mendatang. Pak Mid gigih membersihkan tanah miliknya yang dianggap tidak subur untuk ditanam dengan pokok hutan yang bernilai tinggi. Usahanya yang tidak difahami oleh orang kampung menyebabkan dia dianggap gila, namun Pak Mid tidak mepedulikan perkara tersebut. Usahanya terbukti berjaya apabila tanah miliknya dibayar dengan pampasan yang lumayan oleh pihak kerajaan.
5	AIR MATA DALANG	Pengekalan tradisi, iaitu kesenian wayang kulit. Contohnya, Pak Yasok berjaya menurunkan ilmu pendalangnya untuk memastikan warisan seni wayang kulit berterusan walaupun mendapat tentangan daripada menantunya.
6	PROFESOR SUFI	Konsep dan interpretasi tentang ilmu. Contohnya, seorang profesor berpendidikan tinggi berjaya menguasai konsep ilmu tasawuf kerana banyak melakukan kajian ilmiah, tetapi tidak mengamalkannya.
7	GULAI SEMBILANG UNTUK ABAH	Pengorbanan seorang anak. Contohnya, Averah berusaha untuk membahagiakan abahnya kerana ibunya sudah meninggal dunia. Dia sanggup menolak tawaran sambung belajar di luar negara kerana tidak mahu meninggalkan abahnya.
8	KAMI AKAN MATI, LIN	Kemusnahan karangan laut (batu karang) akibat pencemaran alam. Contohnya, batu karang meluahkan perasaannya terhadap kawannya, Lin akan kemusnahan kehidupan mereka sedikit demi sedikit akibat kerakusan sikap manusia mencemarkan laut. Kapal-kapal besar silih berganti hadir di kawasan kejiranan batu karang dengan memuntahkan ceair warna hijau.
9	PERSPEKTIF	Perbezaan kehidupan masyarakat atasan dengan masyarakat bawahan iaitu pemimpin yang tidak pernah menyelami kesusahan dan juga cara hidup golongan bawahan dan rakyat biasa. Contohnya, Abang Said dan isterinya Sharifah yang dipilih oleh rakyat tetapi tidak pernah membela nasib rakyat. Mereka hidup dalam kemewahan, sedangkan rakyat hidup dalam kesusahan.
10	BUKIT EMAS	Kepentingan mempertahankan alam semulajadi daripada arus pembangunan. Sahat mempertahankan pokok buah-buahan Kampung Kuah daripada dimusnahkan untuk dijadikan tapak kuari. Sahat menerangkan kepada wakil rakyat potensi buah-buahan di kampung tersebut yang bermutu tinggi hingga terkenal dalam kalangan pelancong serta seluruh negara. Pokok buah-buahan tersebutlah yang menjadi sumber rezeki penduduk Kampung Kuah.

Cerpen Namun Itulah Hakikatnya

1. Sanjungan Perwatakan Pak Mid

- a) Gigih berusaha demi kehidupan masa hadapan. Contohnya, Pak Mid gigi mengusahakan tanah rang dengan menanam pelbagai spesies pokok hutan untuk kegunaan pada masa hadapan.
- b) Bersabar dalam menghadapi dugaan. Contohnya, Pak Mid sabar walaupun penduduk kampung mengatakan dia gila kerana menanam pokok-pokok hutan, sedangkan penduduk lain menanam pokok buah-buahan.
- c) Bertanggungjawab menyara pendidikan anak-anak. Contohnya, Pak Mid melaksanakan tanggungjawabnya dengan menyediakan kemudahan pendidikan kepada anak-anaknya.
- d) Pemurah terhadap orang lain. Contohnya, Pak Mid berkongsi rezeki hasil pampasan tanah dengan mendermakan 50 helai sejadah untuk kegunaan surau di kampungnya.

2. Keperibadian unggul Pak Mid

- a) Bertanggungjawab terhadap pendidikan anak-anak. Contohnya, Pak Mid melaksanakan tanggungjawabnya dengan menyediakan kemudahan pendidikan kepada anak-anaknya.
- b) Tabah dalam menghadapi dugaan. Contohnya, Pak Mid tidak marah terhadap penduduk kampung yang mengatakan dia gila, malah dia terus berusaha untuk mencari rezeki demi menyara keluarga.
- c) Gigih berusaha demi kehidupan masa hadapan. Contohnya, Pak Mid gigi mengusahakan tanah rang dengan menanam pelbagai spesies pokok hutan untuk kegunaan pada masa hadapan.
- d) Mementingkan pendidikan demi masa depan. Contohnya, Pak Mid menggunakan wang pampasannya untuk membiayai persekolahan anak-anaknya kerana pendidikan penting untuk masa depan mereka.

3. Isu masyarakat

- a) Isu kemunduran masyarakat kampung. Contohnya, kampung Pak Mid tidak mempunyai kemudahan jalan raya dan bekalan elektrik.
- b) Isu sindiran dalam kalangan masyarakat. Contohnya, beberapa orang penduduk kampung menghina Pak Mid sebagai gila kerana menanam pokok-pokok hutan dan bukannya pokok buah-buahan.
- c) Isu kepercayaan karut dalam masyarakat. Contohnya, penduduk kampung melarang anak-anak mereka bermain di dalam hutan buatan Pak Mid kerana bimbang disembunyikan orang bunian.
- d) Isu kekurangan ilmu dalam kalangan masyarakat. Contohnya, penduduk kampung tidak mengetahui bahawa pokok-pokok hutan yang ditanam oleh Pak Mid bernilai tinggi dalam pasaran.

CERPEN AIR MATA DALANG

Tema : pengekaln warisan tradisi wayang kulit yang semakin kurang diminati.

Contohnya, Pak Yasok menurunkan ilmu pendalangnya kepada Nora untuk memastikan warisan seni wayang kulit berterusan walaupun mendapat tentangan daripada menantunya.

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Kasih sayang dalam keluarga.	Pak Yasok dan isterinya menyayangi anak-anak dan cucu-cucu mereka. Pak Yasok menelefon cucu-cucunya apabila merindui mereka.
Perwatakan	Seorang yang penyayang.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang penyayang.	
Nilai	Nilai kasih sayang.	
Pengajaran	Kita hendaklah menyayangi ahli keluarga.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Tanggungjawab terhadap keluarga.	Pak Yasok bertanggungjawab menyara keluarga dan membiayai pendidikan anak-anaknya hingga ke universiti dengan mencari rezeki sebagai tuk dalang.
Perwatakan	Seorang yang bertanggungjawab.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang bertanggungjawab	
Nilai	Nilai tanggungjawab.	
Pengajaran	Kita hendaklah menunaikan tanggungjawab terhadap keluarga.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Ketaatan kepada perintah Allah.	Pak Yasok mentaati perintah Tuhan. Dia tidak pernah meninggalkan solat dan puasa. Dia juga sentiasa menunaikan solat berjemaah bersama penduduk di masjid kampung.
Perwatakan	Seorang yang mentaati perintah Allah.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang mentaati perintah Allah.	
Nilai	Nilai ketaatan.	
Pengajaran	Kita hendaklah mentaati perintah Allah.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Kegigihan dalam menuntut ilmu.	Nora gigih mempelajari ilmu menjadi dalang daripada Pak Yasok setiap hari selama tiga bulan.
Perwatakan	Seorang yang gigih menuntut ilmu.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang gigih menuntut ilmu.	
Nilai	Nilai kegigihan	
Pengajaran	Kita hendaklah gigih menuntut ilmu.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Sikap bersopan santun.	Nora memberi salam kepada Pak Yasok semasa datang ke rumah Pak Yasok.
Perwatakan	Seorang yang bersopan santun	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang bersopan santun.	
Nilai	Nilai kesopanan	
Pengajaran	Kita hendaklah mengamalkan sikap bersopan santun apabila bertandang ke rumah orang.	

CERPEN : PERSPEKTIF

Tema : Perbezaan kehidupan masyarakat atasan dengan masyarakat bawahan iaitu pemimpin yang tidak pernah menyelami kesusahan dan juga cara hidup golongan bawahan dan rakyat biasa. Contohnya, Abang Said dan isterinya Sharifah yang dipilih oleh rakyat tetapi tidak pernah membela nasib rakyat. Mereka hidup dalam kemewahan, sedangkan rakyat hidup dalam kesusahan.

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Tanggungjawab seorang pemimpin.	Abang Said tidak amanah dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin terhadap rakyat yang telah memilihnya.
Perwatakan	Seorang yang tidak bertanggungjawab.	
Latar Masyarakat	Masyarakat pemimpin yang tidak bertanggungjawab.	
Nilai	Tanggungjawab	
Pengajaran	Kita hendaklah amanah dalam melaksanakan amanah sebagai seorang pemimpin.	
Saranan watak	Abang Said sepatutnya amanah dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pemimpin terhadap rakyat yang telah memilihnya.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Sikap baik hati seorang pemimpin.	Abang Said bersikap pemurah kerana pernah membiayai pembedahan jantung Mak Limah.
Perwatakan	Seorang yang baik hati.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang baik hati.	
Nilai	Baik hati.	
Pengajaran	Kita hendaklah bersikap pemurah atau baik hati.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Sikap pemimpin yang tidak mesra rakyat.	Abang Said yang tidak suka bergaul dengan rakyat menyebabkan tiada orang kampung yang menziarahi kematiannya, malah jenazahnya hanya diuruskan oleh ahli-ahli masjid.
Perwatakan	Seorang pemimpin yang tidak mesra rakyat.	
Latar Masyarakat	Masyarakat pemimpin yang tidak mesra rakyat.	
Pengajaran	Kita hendaklah bersikap mesra dengan masyarakat agar kita disenangi oleh semua orang.	
Saranan Watak	Abang Said sepatutnya bergaul mesra dengan rakyat supaya dia disenangi oleh mereka semua.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Sikap ketidakprihatinan seorang pemimpin.	Abang Said tidak prihatin terhadap masalah rakyat dan tidak membela nasib rakyat yang tinggal di rumah setinggan.
Perwatakan	Seorang yang tidak prihatin/tidak cakna.	
Latar Masyarakat	Masyarakat pemimpin yang tidak cakna akan rakyat.	
Nilai	Keprihatinan.	
Pengajaran	Kita hendaklah bersikap prihatin terhadap masalah dalam masyarakat.	
Saranan watak	Abang Said sepatutnya bersikap prihatin terhadap masalah rakyat dan membela nasib rakyat yang tinggal di rumah setinggan.	

CERPEN PROFESOR SUFI

1. WATAK DAN PERWATAKAN

Watak	Perwatakan
Anak Muda -berasal dari Kelantan. -pernah belajar di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan.	a) Seorang yang rajin membaca. Contohnya, dia banyak membaca kitab-kitab seperti karangan Ibn al-Fakih dari Hamadan. b) Seorang yang gigih menuntut ilmu agama. Contohnya, dia gigih mendalami ilmu tasawuf hingga sanggup berhijrah ke Barus seorang diri untuk menuntut ilmu tersebut. c) Seorang yang tabah menghadapi cabaran. Contohnya, dia tabah menghadapi kesukaran semasa merentasi lekuk-lekuk pergunungan hingga ke Sabolga. d) Seorang yang berani. Contohnya, dia berani berhijrah seorang diri ke Barus yang beribu-ribu batu jauhnya.
Sanjungan watak anak muda	a) Gigih menuntut ilmu. Contohnya, dia gigih mendalami ilmu tasawuf hingga sanggup berhijrah ke Barus seorang diri untuk menuntut ilmu tersebut. b) Merendah diri dalam percakapan. Contohnya, anak muda bercakap dengan bahasa yang sopan semasa berhujah dengan profesor di hotel. c) Menghormati orang yang lebih tua. Contohnya, anak muda menghormati profesor sebagai seorang yang mempunyai banyak ilmu semasa berbual dengannya di hotel.
Profesor -berkepala agak botak -berasal dari Kuala Lumpur -mengajar di beberapa buah universiti -berumur dalam lingkungan lima puluhan.	a) Seorang yang suka membaca. Contohnya, dia membaca sebuah buku yang agak tebal sambil mencatat sesuatu dalam buku tersebut. b) Seorang yang peramah. Contohnya, dia menjawab salam, menegur anak muda dengan ramah dan memperkenalkan dirinya yang juga dari Malaysia. c) Seorang yang bangga akan ilmu yang dimilikinya. Contohnya, dia memberitahu anak muda dengan bangga bahawa bidang ilmu tasawuf dianggap cawan teh bagi dirinya. d) Seorang yang mudah menginsafi diri. Contohnya, setelah mendengar kata-kata anak muda yang ingin mengamalkan ilmu tasawuf, dia insaf akan dirinya yang ahli ilmu tasawuf tetapi dia bukan ahli tasawuf yang mengamalkan ilmu tersebut.

2. Persoalan.

- a) Persoalan tentang kegigihan dalam menuntut ilmu.
Anak muda gigih mendalami ilmu tasawuf hingga sanggup berhijrah ke Barus seorang diri untuk menuntut ilmu tersebut.
- b) Persoalan tentang ketabahan dalam menghadapi cabaran.
Anak muda tabah menghadapi kesukaran semasa merentasi lekuk-lekuk pergunungan hingga ke Sabolga.
- c) Persoalan tentang sikap suka membaca.
Anak muda banyak membaca kitab-kitab seperti karangan Ibn al-Fakih dari Hamadan.
- d) Persoalan tentang kepentingan mengamalkan ilmu yang dipelajari.
Anak muda mahu mendalami dan mengamalkan ilmu tasawuf kerana mengamalkan ilmu yang sedikit lebih baik daripada berilmu tetapi tidak beramal.

3. Nilai dan Pengajaran

NILAI	PENGAJARAN	CONTOH
Kerajinan	Kita hendaklah rajin membaca untuk menambahkan ilmu.	Anak muda banyak membaca kitab-kitab seperti karangan Ibn al-Fakih dari Hamadan.
Kegigihan	Kita hendaklah gigih dalam menuntut ilmu.	Anak muda gigih mendalami ilmu tasawuf hingga sanggup berhijrah ke Barus seorang diri untuk menuntut ilmu tersebut.
Ketabahan	Kita hendaklah tabah menghadapi cabaran dalam hidup.	Anak muda tabah menghadapi kesukaran semasa merentasi lekuk-lekuk pergunungan hingga ke Sabolga.
Keberanian	Kita hendaklah berani bertindak untuk mencapai sesuatu impian.	Anak muda berani berhijrah seorang diri ke Barus yang beribu-ribu batu jauhnya kerana mahu menuntut ilmu.

4. Unsur keagamaan

- a) **Institusi pendidikan berunsur keagamaan** . Contohnya, Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan. (Hal.83)
- b) **Kitab berunsur keagamaan**. Contohnya, kitab yang ditulis oleh Mas'ud dan Ibn Said. (Hal. 83)
- c) **Ilmu berunsur keagamaan**. Contohnya, ilmu tasawuf. (Hal. 84)
- d) **Tokoh berunsur keagamaan**. Contohnya, Hamzah Fansuri (Halaman 86).
- e) **Amalan berunsur keagamaan**. Contohnya, anak muda beristighfar beberapa kali kerana takut kata-katanya bersifat riak atau takbur.
- f) **Kepercayaan berunsur keagamaan**. Contohnya, Contohnya, anak muda menginsafi dirinya yang akan menempuhi alam akhirat. (Hal. 84)

CERPEN : RES JUDICATA karya AIDIL KHALID
(ANTOLOGI KUBENTANG SEHELAI PETA : Hlmn.62-68)

1. Watak dan Perwatakan

Watak	Perwatakan
Peguam muda <ul style="list-style-type: none"> • Berusia awal 30-an • Memiliki firma guamannya sendiri • Telah menjadi peguam selama 7 tahun • Bukan seorang peguam yang terkenal • Hanya mengendalikan kes kecil-kecilan 	a)Seorang yang berani. Contohnya, peguam muda berani menyaman syarikat KTN kerana menganggap syarikat tersebut menyebabkannya hilang kontrak bernilai 27 juta ringgit. b)Seorang yang berpendirian tegas. Contohnya, peguam muda tetap mahu menyaman syarikat KTN walaupun dia tahu bahawa tuntutan ganti rugi berangkai tidak dibenarkan dalam undang-undang. c)Seorang yang bijak berhujah. Contohnya, peguam muda menjawab pertanyaan seorang wartawan tentang alasan dia meneruskan saman terhadap syarikat KTN dengan hujah yang bijak. d)Seorang yang prihatin. Contohnya, peguam muda menyaman syarikat KTN kerana prihatin akan pengguna pengangkutan awam yang akan mengalami kerugian akibat daripada perkhidmatan pengangkutan awam yang tidak efisien.
Sanjungan perwatakan peguam	4. Berani menuntut keadilan. Contohnya, peguam berani menyaman syarikat KTN demi membela nasib penumpang yang menggunakan perkhidmatan tersebut. 5. Bertanggungjawab melaksanakan tugas. Contohnya, peguam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang peguam bagi membela nasib masyarakat yang tertindas. 6. Prihatin terhadap masyarakat. Contohnya, peguam sering mendengar luahan masyarakat tentang perkhidmatan pengangkutan awam yang tidak efisien. Oleh itu, beliau mahu membela nasib penumpang yang tidak diendahkan oleh syarikat pengendali pengangkutan awam.

Perwatakan peguam	Sanjungan perwatakan peguam	Contoh
a)Seorang yang berani.	Berani menuntut keadilan	Peguam muda berani menyaman syarikat KTN kerana menganggap syarikat tersebut menyebabkannya hilang kontrak bernilai 27 juta ringgit.
b) Seorang yang prihatin	Prihatin terhadap masyarakat	Peguam muda menyaman syarikat KTN kerana prihatin akan pengguna pengangkutan awam yang akan mengalami kerugian akibat daripada perkhidmatan pengangkutan awam yang tidak efisien
c) Seorang yang bertanggungjawab	Bertanggungjawab melaksanakan tugas.	Peguam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang peguam bagi membela nasib masyarakat yang tertindas.

2. Latar

Jenis Latar	Latar dan Contoh
Latar tempat	<p>a) Foyer bangunan mahkamah – peguam muda dikerumuni wartawan untuk ditemu ramah di foyer bangunan mahkamah.</p> <p>b) Kedai gunting – seorang tukang gunting menonton televisyen sambil memotong rambut pelanggannya.</p> <p>c) Restoran mamak – sekumpulan remaja menikmati makan malam di restoran mamak.</p> <p>d) Stesen Sentral Kuala Lumpur – peguam muda menaiki tren untuk ke Stesen Sentral Kuala Lumpur.</p>
Latar masa	<p>a) Waktu malam – orang ramai menonton berita tentang peguam muda menyaman syarikat KTN dalam slot berita jam lapan malam.</p> <p>b) Tujuh tahun – peguam muda telah menjadi peguam selama tujuh tahun.</p> <p>c) Jam sepuluh pagi – penerbangan peguam muda telah dijadualkan pada jam sepuluh pagi.</p> <p>d) Pukul 12.00 tengah hari – peguam muda mempunyai janji temu dengan sebuah syarikat berkaitan sebuah kontrak bernilai RM27 juta.</p> <p>e) Pukul sembilan pagi – peguam muda telah sampai di Stesen Sentral pada jam sembilan pagi.</p>
Latar masyarakat / Citra masyarakat	<p>a) Masyarakat yang berjaya / Cerminan masyarakat yang berkerjaya Peguam muda telah tujuh tahun menjadi peguam dan memiliki firma guamannya sendiri.</p> <p>b) Masyarakat yang bekerja sebagai tukang gunting. Seorang tukang memotong rambut pelanggannya sambil menonton berita di televisyen.</p> <p>c) Masyarakat yang berani. / Cerminan masyarakat yang berani. Peguam muda berani menyaman syarikat KTN kerana menganggap syarikat tersebut menyebabkannya hilang kontrak bernilai 27 juta ringgit.</p> <p>d) Masyarakat yang prihatin. / Cerminan masyarakat yang prihatin. Peguam muda mahu menyaman syarikat KTN kerana prihatin akan pengguna pengangkutan awam yang akan mengalami kerugian akibat daripada perkhidmatan pengangkutan awam yang tidak efisien.</p> <p>d) Masyarakat golongan wartawan yang bijak mengumpul berita – seorang wartawan menelefon peguam muda untuk mendapatkan pandangannya berkaitan kes samannya terhadap Syarikat KTN.</p>

3. Nilai dan Pengajaran

Nilai	Pengajaran	Contoh
Keberanian	Kita hendaklah berani untuk mendapatkan keadilan.	Peguam muda berani menyaman syarikat KTN kerana menganggap syarikat tersebut menyebabkannya hilang kontrak bernilai 27 juta ringgit.
Kebijaksanaan	Kita hendaklah mempunyai kebijaksanaan dalam berhujah.	Peguam muda menjawab pertanyaan seorang wartawan tentang alasan dia meneruskan saman terhadap syarikat KTN dengan hujah yang bijak.
Keprihatinan	Kita hendaklah prihatin terhadap perkara yang berlaku dalam masyarakat.	Peguam muda mahu menyaman syarikat KTN kerana prihatin akan pengguna pengangkutan awam yang akan mengalami kerugian akibat daripada perkhidmatan pengangkutan awam yang tidak efisien.
Keadilan	Kita hendaklah berusaha untuk mendapatkan keadilan dalam sesuatu perkara.	Peguam muda mengambil tindakan terhadap Syarikat KTN demi mendapat keadilan atas kerugian yang dialaminya disebabkan oleh kegagalan syarikat tersebut menyediakan perkhidmatan yang efisien.

CERPEN RINDU SEORANG RAFIK : WATAK DAN PERWATAKAN

BIL	WATAK	PERWATAKAN
1	RAFIK MUSTAKIM	<p>1. Seorang yang gigih. Rafik tetap gigih menghubungi Rosa walaupun sudah tiga bulan Rosa tidak membalas mesej dan tidak menjawab panggilan telefonnya.</p> <p>2. Seorang yang patuh kepada ketua. Rafik mematuhi arahan Ketua Pengarang untuk mendapatkan skop tentang kedudukan terkini Pulau Batu Putih tanpa banyak soal.</p> <p>3. Seorang yang cinta akan negara. Rafik tetap mempertahankan Pulau Batu Putih sebagai hak Malaysia walaupun pendapatnya itu menyebabkan konflik antara dia dengan Rosa.</p> <p>4. Seorang yang setia dalam persahabatan. Rafik tetap setia menunggu Rosa menghubunginya walaupun sudah tiga bulan Rosa tidak membalas mesej dan tidak menjawab panggilan telefonnya.</p> <p>5. Seorang yang penyayang. Rafik menyayangi Rosa sebagai seorang sahabat sejati dan sangat merindui Rosa setelah Rosa mendiamkan diri selama tiga bulan.</p>
2	ROSA	<p>1. Seorang yang cinta akan negara. Rosa tetap mempertahankan Pedra Branca atau Pulau Batu Putih sebagai hak milik Singapura walaupun pendapatnya ditentang oleh Rafik.</p> <p>2. Seorang yang tegas. Rosa tegas mempertahankan apa-apa yang difikirkannya betul tanpa sebarang kompromi.</p> <p>3. Seorang yang sensitif. Rosa berkecil hati dengan kata-kata Rafik yang hanya menganggapnya sebagai seorang rafik atau sahabat, sedangkan dia telah jatuh hati kepada Rafik.</p> <p>4. Seorang yang berani meluahkan perasaannya. Rosa akhirnya membalas email Rafik dan meluahkan perasaannya yang sebenar kepada Rafik. Dia tidak boleh menjadi sahabat Rafik kerana dia sudah jatuh hati kepada Rafik.</p>

1. Tema

Bertemakan kemusnahan karang laut akibat pencemaran alam. Contohnya, batu karang meluahkan perasaannya kepada sahabatnya, Lin akan kemusnahan kehidupan mereka sedikit demi sedikit akibat kerakusan sikap manusia yang mencemarkan laut. Kapal-kapal besar silih berganti hadir di Kawasan kejiranan batu karang dengan memuntahkan cecair hijau perang.

2. Persoalan.

- a) **Kemusnahan alam akibat sikap tidak bertanggungjawab dan kerakusan manusia yang mengejar keuntungan.** Contohnya, manusia mengutip anak-anak batu karang untuk dijual seperti yang dilakukan Caka dan Daka menjual koleksi koloni warga laut. Caka dan Daka juga membuka kilang dan kedai jualan hiasan batu karang demi keuntungan dan kekayaan mereka.
- b) **Kesetiaan dalam hubungan antara makhluk.** Contohnya, batu karang menganggap Lin sebagai sahabat mereka dan tetap setia menunggu Lin walaupun telah lama Lin tidak mengunjungi mereka di dasar laut.
- c) **Kesepian dan penderitaan akibat kehilangan cinta.** Contohnya, batu karang hidup kesepian setelah kekasihnya sudah tiada dan cintanya telah musnah. Dia menderita dan sangat merindui bunga karangnya yang telah mati.
- d) **Kepentingan batu karang kepada manusia.** Contohnya, batu karang menjadi tempat pembiakan ikan dan membekalkan ikan untuk keperluan manusia. Batu karang juga menampung sejuta spesies hidupan laut lain dan menjamu mata ribuan manusia yang mengunjunginya.
- e) **Perasaan cinta akan alam sekitar.** Contohnya, Lin mengecam budaya hidup moden yang membuang semua kotoran ke laut. Dia juga menentang penerokaan tanah hutan yang menyebabkan hakisan dan mengeruhkan laut.
- f) **Kecuaian manusia dalam menjaga alam sekitar.** Contohnya, manusia cuai dan alpa sebagai tugas asal mereka penghuni dunia yang saling bergantung antara satu sama lain. Hidupan laut juga merupakan penyumbang kepada ekosistem alam yang mengawal suhu bumi dan memastikan paras laut sentiasa stabil.

3. Isu Masyarakat

- a) **Isu kemusnahan hidupan laut dalam masyarakat.** Contohnya, banyak hidupan laut yang mengalami kemusnahan dan kepupusan akibat pembangunan.
- b) **Isu ketamakan mengejar kekayaan dalam masyarakat.** Contohnya, ada segelintir manusia mengejar kekayaan tanpa memikirkan nasib penghuni laut yang semakin pupus.
- c) **Isu amalan menghormati tetamu dalam masyarakat.** Contohnya, Aku dan rakan-rakannya begitu menghormati tetamu dengan menerima kedatangan Lin ke tempat mereka dan dilayan dengan baik.
- d) **Isu pencemaran alam sekitar.** Contohnya, pengusaha kilang membuang sisa toksik ke dalam sungai hingga menyebabkan sungai tercemar.
- e) **Isu kepentingan hidupan laut kepada masyarakat.** Contohnya, laut menjadi sumber rezeki kepada manusia sejak zaman dahulu.
- f) **Isu tidak mengenang jasa dalam masyarakat.** Contohnya, segolongan penduduk miskin di kepulauan nusantara tidak mengenang jasa batu-batu karang yang membekalkan makanana kepada mereka kerana sanggup mencuri anak-anak batu karang untuk dijual kepada orang kaya.

BAHAGIAN F:

DRAMA

DRAMA ANNA

Pemikiran

Pergolakan rumah tangga yang berlaku dalam kehidupan suami isteri yang berasal dari negara, bangsa, dan latar belakang budaya yang bebeza. Watak suami, iaitu Zaki, berketurunan Melayu, manakala isterinya, Anna ialah peranakan Inggeris dan Melayu. Pergolakan berlaku kerana Anna berpendapat bahawa Zaki lebih menyayangi dan mengutamakan ibunya berbanding dirinya.

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Sikap tanggungjawab terhadap ibu bapa.	. Zaki meminta Dr. Chan merawat mata ibunya yang hampir buta kerana itu adalah tanggungjawabnya sebagai anak.
Perwatakan	Zaki seorang yang bertanggungjawab	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang bertanggungjawab	
Nilai	Nilai tanggungjawab	
Pengajaran	kita hendaklah bertanggungjawab menjaga dan merawat ibu bapa yang sakit.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Kasih sayang terhadap ahli keluarga	Zaki amat menyayangi Mak Munah kerana ibunya telah banyak berkorban demi membiayai pelajarannya di luar negara.
Perwatakan	Zaki seorang yang menyayangi ahli keluarga.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang menyayangi ahli keluarga.	
Nilai	Nilai kasih sayang	
Pengajaran	kita hendaklah menyayangi ahli keluarga.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Perasaan cinta akan negara.	Zaki melanjutkan pengajian di Universiti Cambridge dalam bidang sejarah kerana perasaan setia dan cintanya yang tinggi terhadap bangsa dan tanah airnya.
Perwatakan	Zaki seorang yang cinta akan negara.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang cinta akan negara.	
Nilai	Nilai cinta akan negara.	
Pengajaran	kita hendaklah mempunyai perasaan yang cinta akan negara.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Sikap mengenang jasa ibu bapa.	Zaki mengenang jasa ibunya yang telah banyak berkorban untuk membiayai pengajian Zaki di luar negara.
Perwatakan	Zaki seorang yang mengenang jasa ibu bapa.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang mengenang jasa.	
Nilai	Nilai mengenang jasa.	
Pengajaran	Kita hendaklah mengenang jasa ibu bapa.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Sikap isteri yang mementingkan diri.	Anna mementingkan diri kerana mahu suaminya Zaki memberi lebih perhatian kepadanya tanpa memikirkan yang Zaki juga terpaksa mengambil berat tentang ibunya yang sakit
Perwatakan	Anna seorang isteri yang mementingkan diri.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang mementingkan diri.	
Pengajaran	Kita janganlah bersikap mementingkan diri sendiri	
Saranan Watak	Anna sepatutnya memikirkan tanggungjawab Zaki terhadap ibunya dan tidak sepatutnya bersikap mementingkan diri sendiri.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Sikap tidak memahami budaya masyarakat Melayu.	Anna gagal untuk memahami budaya masyarakat Melayu yang masih mengambil berat tentang keluarga asalnya walaupun telah mendirikan rumah tangga.
Perwatakan	Anna seorang yang tidak memahami budaya Melayu.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang tidak memahami budaya Melayu.	
Pengajaran	Kita hendaklah belajar memahami budaya bangsa lain agar dapat hidup dalam harmoni	
Saranan Watak	Anna sepatutnya memahami budaya masyarakat Melayu supaya dia dapat hidup bahagia bersama Zaki.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Sikap tidak mendengar nasihat.	Anna tidak mendengar nasihat Dr. Chan dan pujukan suaminya supaya tidak pulang ke London demi kebahagiaan rumah tangga mereka.
Perwatakan	Anna seorang yang tidak mendengar nasihat.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang tidak mendengar nasihat.	
Pengajaran	Kita hendaklah mendengar nasihat orang demi kebaikan diri kita sendiri.	
Saranan Watak	Anna sepatutnya mendengar nasihat Zaki dan Dr.Chan demi menyelamatkan rumah tangganya bersama Zaki.	

1. Pandangan terhadap perwatakan Anna

a) Bertindak mengikut perasaan

Anna tetap ingin pulang ke negaranya walaupun Zaki telah memujuknya agar bersabar diatas perkara sedang berlaku dalam hubungan rumah tangganya.

b) Tidak memahami budaya timur

Anna merupakan anak peranakan Inggeris dan Melayu yang dibesarkan di England tidak dapat memahami budaya masyarakat Timur yang lebih mementingkan ibunya.

c) Menyalahkan orang lain tanpa sebab

Anna menganggap perbuatan Zaki yang melebihkan ibunya berdanding dirinya sebagai penghalang kepada kebahagiaan rumah tangganya.

d) Berprasangka buruk terhadap ibu mertua

Anna menganggap sikap Zaki yang melebihkan ibunya sebagai penghalang kepada kebahagiaan rumah mereka

2. Pandangan Terhadap perwatakan Zaki

a) Mengenang jasa ibu bapa.

Zaki tidak mensia-siakan pengorbanan ibunya yang telah bergolak-gadai menjual tanah untuk membiayai pengajiannya sehingga dia berjaya.

b) Bertanggungjawab terhadap ibu bapa.

Zaki menggalas tanggungjawab yang besar untuk menjaga ibunya yang lumpuh dan matanya buta.

c) Mementingkan ilmu pengetahuan.

Zaki seorang yang sanggup meneruskan pengajiannya di luar negara walaupun hidup dalam kemiskinan.

d) Mempertahankan ibunya.

Zaki mempertahankan ibunya walaupun Anna menyalahkan ibu Zaki yang telah menjadi punca keruntuhan rumah tangga mereka.

e) Setia dalam persahabatan.

Zaki mementingkan persahabatan dengan Dr Chan sehingga Dr Chan sanggup merawat mata ibunya.

3. Keperibadian unggul Zaki

a) Penyayang terhadap keluarga.

Zaki sangat sayang akan isterinya Anna. Dia cuba memujuk Anna supaya tidak kembali ke London dengan meninggalkan dia dan anak mereka iaitu Tina.

b) Gigih dalam menguruskan hal keluarga.

Zaki berusaha gigih untuk mahu menebus tanahnya yang tergadai demi menyara pelajarannya di luar negara.

c) Bijak dalam pelajaran

Zaki berjaya menyambung pelajaran di Universiti Oxford dalam jurusan sejarah.

d) Taat terhadap ibu bapa.

Zaki mentaati ibunya Mak Munah dan menjaga Mak Munah yang buta dan lumpuh dengan penuh ketaatan.

4. Isu Masyarakat

a) Isu perkahwinan campur

Thomas Carpenter, ayah kepada Anna seorang Inggeris berkahwin dengan orang Melayu / Anna yang berperanakan Inggeris dan Melayu berkahwin dengan Zaki yang berbangsa Melayu.

b) Isu kegagalan memahami budaya lain

Anna yang berperanakan Inggeris dan Melayu gagal memahami budaya masyarakat Melayu yang masih mengambil berat tentang keluarga asalnya walaupun telah mendirikan rumah tangga.

c) Isu pengabaian kesihatan diri.

Mak Munah bertungkus-lumus mencari rezeki demi membiayai pengajian Zaki sehingga dia lumpuh dan matanya hampir buta.

d) Isu pengorbanan dalam percintaan

Anna sanggup meninggalkan ayahnya Thomas Carpenter dan pengajiannya di universiti kerana ingin berkahwin dengan Zaki dan mengikut Zaki untuk balik ke Malaysia.

e) Isu pergolakan dalam rumah tangga

Rumah tangga Zaki dan Anna bergolak kerana Anna tidak memahami budaya Timur.

f) Isu kejayaan penjajah

Ibu Anna telah ditembak oleh komunis kerana berkahwin dengan orang Inggeris iaitu Thomas Carpenter.

g) Isu kesetiaan / cinta terhadap tanah air

Zaki melanjutkan pengajian di Universiti Cambridge dalam bidang sejarah kerana perasaan setia dan cintanya yang tinggi terhadap bangsa dan tanah airnya.

5. Pola Fikir

- a) Masyarakat Timur mengutamakan ibu bapa.
Thomas Carpenter memberitahu Anna bahawa Zaki akan melebihkan ibunya daripada isterinya sendiri kerana itu merupakan lumrah bagi orang Timur.
- b) **Masyarakat Barat lebih bersikap individualistik.**
Thomas Carpenter memberitahu Anna bahawa orang Barat hidup atas kekuatan sendiri-sendiri dan tidak mengharapkan bantuan daripada ahli keluarga yang lain.
- c) **Masyarakat Timur lebih mementingkan kerjasama berbanding masyarakat Barat.**
Thomas Carpenter memberitahu Anna bahawa masyarakat Timur hidup bekerjasama dan tolong-menolong, tidak seperti masyarakat Barat hidup sendiri-sendiri.

DRAMA MAT PIAH DAN MR.BLACKWAY karya MAHIZAN HUSAIN.

1. Persoalan

a) Persoalan tentang sikap berani berterus-terang.

Contohnya, Mr.Blackway berani menceritakan perkara sebenar kepada Mat Piah bahawa dia dan Francis Light telah menipu Sultan Muhammad Jiwa dan Sultan Abdullah untuk mendapatkan Pulau Pinang.

b) Persoalan tentang sikap hormat-menghormati dalam masyarakat.

Contohnya, Mr.Blackway menghormati Lord Cornwallis walaupun dia mengetahui bahawa Lord Cornwallis merupakan jeneral perang yang berlagak berani.

c) Persoalan tentang ketegasan dalam mempertahankan hak bangsa.

Contohnya, Mat Piah memarahi Mr.Blackway apabila dia melatah kerana melatah merupakan hak orang Melayu.

d) Persoalan tentang perasaan cinta akan negara.

Contohnya, Mat Piah mempunyai semangat patriotik yang tinggi walaupun dia bekas pesakit mental. Mat Piah marah terhadap penjajah Portugis, Belanda, dan Inggeris yang menjajah dan merampas segala hasil bumi tanah air.

2. Latar Masyarakat

a) Masyarakat yang gigih mencari rezeki. Contohnya, Mat Piah gigih mencari rezeki sebagai penarik beca di sekitar bandar Georgetown. Dia masih menunggu penumpang di hadapan Hotel E&O walaupun sudah pukul 2.32 pagi.

b) Masyarakat yang tahu tentang sejarah. Contohnya, Mat Piah mengetahui sejarah Francis Light yang membuka dan meneroka Pulau Pinang pada tahun 1786 walaupun dia hanya bersekolah hingga darjah enam.

c) Masyarakat yang tegas dalam mempertahankan hak bangsa. Contohnya, Mat Piah memarahi Mr.Blackway apabila dia melatah kerana melatah merupakan hak orang Melayu.

d) Masyarakat yang berani berterus-terang. Contohnya, Mr.Blackway berani menceritakan perkara sebenar kepada Mat Piah bahawa dia dan Francis Light telah menipu Sultan Muhammad Jiwa dan Sultan Abdullah untuk mendapatkan Pulau Pinang.

e) Masyarakat yang cinta akan negara. Contohnya, Mat Piah mempunyai semangat patriotik yang tinggi walaupun dia bekas pesakit mental. Mat Piah marah terhadap penjajah Portugis, Belanda, dan Inggeris yang menjajah dan merampas segala hasil bumi tanah air.

3. Nilai dan Pengajaran.

- a) Kegigihan / Kita hendaklah gigih mencari rezeki agar dapat menyara kehidupan tanpa bergantung hidup kepada orang lain.
- b) Keberanian. / Kita hendaklah berani berterus-terang apabila melakukan sesuatu kesilapan agar kita tidak terus rasa bersalah atas kesilapan tersebut.
- c) Nilai patriotisme. / Kita hendaklah mengetahui sejarah tanah air agar dapat memupuk perasaan cinta akan negara.
- d) Nilai hormat-menghormati. / Kita hendaklah mempunyai perasaan hormat terhadap orang lain.

4. Unsur Sejarah Dalam Drama

- a) **Tokoh bersejarah.** Contohnya; Francis Light, Sultan Abdullah dan Sultan Muhammad Jiwa.
- b) **Tarikh bersejarah.** Contohnya; Pada tahun 1786 iaitu tarikh perjanjian Inggeris-Kedah yang ditandatangani oleh Sultan Abdullah dengan Francis Light.
- c) **Bangunan bersejarah.** Contohnya; Hotel E&O bercirikan binaan kolonial, bangunan Fort Cornwallis.
- d) **Monumen bersejarah.** Contohnya; patung Francis Light
- e) **Tempat bersejarah.** Contohnya; Pulau Pinang dan Padang Kota Lama.
- f) **Peristiwa bersejarah.** Contohnya; tentera Siam menyerang Kedah, tentera Bugis menyerang Kedah, dan Sultan Abdullah membawa tentera Kedah ke Kuala Sungai Petani untuk menyerang tentera Inggeris.

5. Isu Masyarakat

- a) **Isu kerakusan penjajah.** Contohnya, penjajah Inggeris rakus mendapatkan tanah Pulau Pinang dan mengaut hasil bumi untuk kepentingan mereka.
- b) **Isu masalah sosial dalam kalangan anak muda.** Contohnya, Mat Piah menyatakan bahawa anak-anak muda yang merempit menimbulkan masalah kepada masyarakat.
- c) **Isu melanggar perjanjian yang telah dipersetujui.** Contohnya, Pulau Pinang telah jatuh ke tangan Inggeris kerana Inggeris telah melanggar perjanjian dengan Sultan Kedah.

BAHAGIAN G:
KAJIAN
PUISI

KAJIAN PUISI (PANTUN/ GURINDAM/ SELOKA / SAJAK

1. Ciri atau bentuk puisi

- a) Puisi ini mempunyai rangkap/ berangkap. Contohnya, terdiri daripadarangkap.
- b) Bilangan baris setiap rangkap **adalah tidak sama**. Contohnya; mempunyai hingga baris serangkap

.ATAU

Bilangan baris setiap rangkap adalah sama. Contohnya, mempunyai.....baris serangkap.

- c) Bilangan patah perkataan setiap baris **adalah sama**. Contohnya, mempunyaiperkataan sebaris.

ATAU

Bilangan patah perkataan setiap baris **adalah tidak sama**. Contohnya, mempunyai antara hingga perkataan sebaris.

- d) Rima akhir adalah **sama / berselang / tidak sama**. Contohnya, rima rangkap pertama ialah
- e) Bentuk puisi ini adalah bebas. Contohnya, bilangan baris serangkap adalah tidak sama iaitu antara hingga

ATAU

- f) Bentuk puisi ini adalah terikat. Contohnya, bilangan baris setiap rangkap adalah sama iaitubaris serangkap.

2. Perbandingan bentuk puisi.

a) Puisi A mempunyai rangkap. Contohnya, mempunyai rangkap. **Puisi B juga mempunyai rangkap.** Contohnya, mempunyai rangkap.

b) Bilangan baris setiap rangkap Puisi A adalah sama. Contohnya, mempunyai.....baris serangkap. **Manakala bilangan baris setiap rangkap Puisi B adalah tidak sama.** Contohnya, mempunyai hingga baris serangkap.

c) Bilangan patah perkataan setiap baris Puisi A adalah tidak sama. Contohnya, mempunyai antara hingga perkataan sebaris. **Bilangan patah perkataan setiap baris Puisi B juga adalah tidak sama.** Contohnya, mempunyai antara hingga perkataan sebaris.

d) Rima akhir Puisi A adalah sama. Contohnya, rima akhir *aaaa*. **Manakala, rima akhir Puisi B ialah tidak sama.** Contohnya, rima rangkap pertama ialah

3. Unsur bunyi / Pengulangan Bunyi

- a) Asonansi – pengulangan bunyi vokal (a, e, i, o, u) dalam baris puisi.
Contoh ; Tak tumbuh tak melata.
- b) Aliterasi – pengulangan bunyi konsonan (b,c,d,e,f,g,h,j,k,l,m,n,p,r, s, t,y, z) dalam baris puisi.
Contohnya; Tak tumbuh tak melata.
- c) Rima – bunyi pada akhir baris puisi.
Contohnya; aabbcd

4. Unsur gaya bahasa pengulangan

- a) Asonansi – pengulangan bunyi vokal (a, e, i, o, u) dalam baris puisi.
- b) Aliterasi – pengulangan bunyi konsonan (b,c,d,e,f,g,h,j,k,l,m,n,p,r, s, t,y, z) dalam baris puisi.
- c) Anafora – pengulangan perkataan pada awal baris puisi secara berurutan.
- d) Epifora – pengulangan perkataan pada akhir baris puisi secara berurutan.
- e) Responsi – pengulangan perkataan pada tengah baris puisi secara berurutan.
- f) Simplik -Pengulangan kata pada awal dan akhir baris yang sama
Contoh : Sayang seribu kali sayang
- g) Repitisi - pengulangan umum kata, frasa dan kalimat

4. Unsur gaya bahasa perbandingan

- a) **Metafora** -gaya bahasa perbandingan secara langsung yang menggabungkan perkataan konkrit dan abstrak.
*Contoh: pantai harapan *pantai (unsur konkrit) *harapan (unsur abstrak)*
- b) **Simile** – gaya bahasa perbandingan yang menggunakan kata bandingan (*bak, seperti, bagai, umpama, ibarat, macam dan laksana*). *Contoh : kulitnya lembut bak sutera.*
- c) **Hiperbola** – gaya bahasa perbandingan yang melampau. *Contoh: akan kurenangi tujuh lautan api*
- d) **Personifikasi** – gaya bahasa perbandingan yang memberikan sifat manusia kepada sesuatu yang bukan manusia. *Contoh; burung-burung **bernyanyi riang***

5. Unsur gaya bahasa

- a) **Anafora** -Pengulangan kata/frasa pada awal baris secara berturut-turut
*Contoh :Terbang kenanga terbang pohon
Terbang burung sering dipohon*
- b) **Responsi** -Pengulangan kata/frasa pada tengah-tengah baris secara berturut-turut
*Contoh :Sayang indah pergi Johor
Dia yang kupinta pergi datang*
- c) **Epifora** -Pengulangan kata/frasa pada akhir baris secara berturut-turut
*Contoh : Sayang Salmah hatinya pedih
Teruja sakitnya hati pedih*
- d) **Repitasi / Repitisi** -Pengulangan umum kata, frasa dan kalimat
*Contoh; **Hati** ini yang dilukai
Biarlah kurawat sakitnya **hati***
- e) **Sinkope** -Pemendekan sesuatu kata dengan menggunakan satu atau lebih huruf atau suku kata daripada tengah-tengah kata.
Contoh : matahari - mentari , tidak - tak
- f) **Hiperbola** - Perbandingan melampau
Contoh: Akan kurenangi lautan api
- g) **Inversi**- Pembalikan kalimat
*Contoh :Aduhai adinda berpesan adik
Sepatutnya ditulis Aduhai adinda adik berpesan
- h) **Personifikasi** - Memberikan sifat manusia kepada bukan manusia.
Contoh: daun melambai-lambai'
- i) **Paradoks** -Pertentangan dua situasi
Contoh: gembira dalam duka
- j) **Asonansi** - Pengulangan bunyi vokal dalam baris yang sama
Contoh :Aduhai malang Pak Kaduk
- k) **Aliterasi**- Pengulangan bunyi konsonan dalam baris yang sama.
Contoh: Ayamnya menang kampung tergadai
- l) **Imejan** -Penggunaan unsur alam
Sungai, laut, bukit, tasik

6. Nada (Sajak)

- a) **Melankolik** - Penggunaan kata yang mendayu-dayu untuk menyatakan sesuatu perasaan.
- b) **Romantis** - Penggunaan gaya bahasa yang mengutamakan perasaan semata-mata dan bukan intelek serta lebih kepada keagungan, perasaan dan kecantikan.
- c) **Sinis** - Gaya bahasa sindiran atau ejekan yang kasar.
- d) **Protes** - Nada membantah, mengkritik dan menyatakan ketidaksenangan hati kepada sesuatu.
- e) **Patriotik** - Menunjukkan semangat cinta akan negara, semangat untuk mempertahankan sesuatu, bersemangat berkobar-kobar.

PANTUN EMPAT KERAT : KASIH JUALAN

ASPEK		CONTOH	
Persoalan	Kerajinan/ Kegigihan mencari rezeki.	Marilah encik marilah tuan, Barang baik baru keluar	Peniaga gigih mencari rezeki dengan mempromosi barang jualannya.
Nilai	Kerajinan.		
Pengajaran	Kita hendaklah gigih mencari rezeki.		

ASPEK		CONTOH	
Persoalan	Berbudi bahasa dalam urus niaga.	Minta maaf belum berhajat, Datang menengok bukan membeli.	Pembeli berbudi bahasa semasa menyuarakan hasratnya yang hanya datang untuk melihat dan bukan untuk membeli.
Nilai	Sopan santun		
Pengajaran	Kita hendaklah berbudi bahasa semasa menjalankan urus niaga.		

ASPEK		CONTOH	
Persoalan	Keberanian menceburi bidang perniagaan.	Bukan panglima rupanya tuan, Makanya takut masuk berniaga.	Peniaga dianggap berani kerana menceburi bidang perniagaan.
Nilai	Keberanian.		
Pengajaran	Kita hendaklah berani untuk berniaga.		

ASPEK		CONTOH	
Persoalan	Amalan berjimat cermat dalam berbelanja.	Kedekut sungguh tuan nak makan, Makanan baik tidak terbeli.	Pembeli berjimat cermat kerana tidak membeli makanan yang baik.
Nilai	Berjimat cermat		
Pengajaran	Kita hendaklah berjimat cermat dalam berbelanja.		

PANTUN ENAM KERAT : NILAI INSAN

Tema: Nilai-nilai kemanusiaan dalam kehidupan. Nilai-nilai kemanusiaan yang sepatutnya ada pada setiap individu mengikut peranan dan tanggungjawab masing-masing.

ASPEK		CONTOH BARIS PANTUN	HURAIAN
Persoalan	Tanggungjawab dalam keluarga.	Nilai anak kerana ketaatan, Nilai emak kerana asuhan, Nilai bapa kerana tanggungan.	Setiap ahli keluarga mempunyai tanggungjawab masing-masing sama ada sebagai anak, emak atau pun bapa.
Nilai	Tanggungjawab.		
Pengajaran	Kita hendaklah melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga.		

ASPEK		CONTOH BARIS PANTUN	HURAIAN
Persoalan	Tanggungjawab dalam sesebuah organisasi.	Nilai pekerja jalani tugas, Nilai penyelia adil saksama, Nilai majikan penuh keihisanan.	Setiap orang dalam sesebuah organisasi mempunyai tanggungjawabnya masing-masing sama ada sebagai pekerja, penyelia atau majikan.
Nilai	Tanggungjawab.		
Pengajaran	Kita hendaklah melaksanakan tanggungjawab dalam organisasi.		

ASPEK		CONTOH BARIS PANTUN	HURAIAN
Persoalan	Semangat kejiranan dalam masyarakat.	Nilai penghuni mesra berjiran, Nilai ketua bertimbang rasa, Nilai sekampung tolong-menolong.	Setiap anggota masyarakat mempunyai tanggungjawab masing-masing sama ada sebagai jiran, ketua kampung atau sebagai penduduk yang menghuni sesebuah kampung.
Nilai	Tolong-menolong.		
Pengajaran	Kita hendaklah mengamalkan semangat kejiranan.		

ASPEK		CONTOH BARIS PANTUN	HURAIAN
Persoalan	Tanggungjawab warga dalam sesebuah negara.	Nilai rakyat beretika diri, Nilai pemimpin ada wawasan, Nilai raja berbudaya agama.	Setiap setiap warga sesebuah negara mempunyai tanggungjawab masing-masing sama ada rakyat, pemimpin atau pun seorang raja.
Nilai	Tanggungjawab		
Pengajaran	Kita hendaklah melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang warganegara.		

1. Nilai

- a) **Nilai ketaatan.** Contohnya, seorang anak mentaati kedua-dua ibu bapanya. / Nilai anak kerana ketaatan.
- b) **Nilai keadilan.** Contohnya, seorang penyelia bersikap adil terhadap pekerja bawahannya. / Nilai penyelia adil saksama.
- c) **Nilai bertimbang rasa.** Contohnya, seorang ketua mempunyai timbang rasa terhadap orang bawahannya. / Nilai keua bertimbang rasa.
- d) **Nilai tolong-menolong.** Contohnya, penduduk di sesebuah kampung mengamalkan sikap tolong-menolong / Nilai sekampung tolong-menolong.
- e) **Nilai kemesraan.** Contohnya, penghuni di sesebuah kawasan petempatan bersikap mesra terhadap jiran tetangga. / Nilai penghuni mesra berjiran.

2. Ciri-ciri Kepemimpinan

- a) Pemimpin yang bertanggungjawab terhadap tanggungannya.
Bapa sebagai pemimpin dalam keluarga yang bertanggungjawab menyara keluarga, manakala ibu sebagai pemimpin yang bertanggungjawab mengasuh anak-anaknya.
- b) Pemimpin yang adil terhadap orang bawahannya.
Penyelia sebagai pemimpin di tempat kerja perlu bersikap adil terhadap pekerja di bawah seliaannya.
- c) Pemimpin yang mempunyai sikap ihsan terhadap orang bawahannya.
Majikan sebagai pemimpin di tempat kerja bersikap ihsan terhadap pekerjanya.
- d) Pemimpin yang bertimbang rasa.
Ketua sebagai pemimpin yang bertimbang rasa terhadap orang bawahannya.
- e) Pemimpin yang mempunyai wawasan.
Pemimpin dalam sesebuah organisasi mempunyai wawasan atau perancangan untuk masa depan organisasinya.
- f) Pemimpin yang mementingkan keagamaan.
Raja sebagai pemimpin yang mementingkan agama dalam urusan pentadbiran sesebuah negara.

BAHAGIAN H: NOVEL

NOVEL NARATIF OGONSHOTTO : BAB 1 - KOLONIAL

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang keberanian menghadapi cabaran.	Sewaktu berumur tujuh tahun, Presiden berani berenang meredah laut untuk menaiki kapal ke Eropah.
Perwatakan	Presiden seorang yang berani.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang berani menghadapi cabaran.	
Nilai	Nilai keberanian.	
Pengajaran	Kita hendaklah berani menghadapi cabaran.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang ketabahan menghadapi dugaan dalam hidup.	1. Sewaktu kecil semasa di Eropah, presiden tabah menjalani kehidupan walaupun menjadi bahan jenaka dan usikan rakan-rakan sekelasnya. 2. Presiden dan tiga rakannya tabah menghadapi dugaan ketika kapal mereka dilanda ribut taufan sehingga mereka diselamatkan oleh penduduk Ogonshotto.
Perwatakan	Presiden seorang yang tabah menghadapi dugaan.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang tabah menghadapi dugaan.	
Nilai	Niai ketabahan.	
Pengajaran	Kita hendaklah tabah menghadapi dugaan dalam hidup.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang kasih sayang terhadap ibu bapa.	Sebaik sahaja tiba di pantai Ogonshotto, Presiden memeluk lutut ibunya yang sudah tua dan agak berkerepot.
Perwatakan	Presiden seorang anak yang menyayangi ibunya.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang menyayangi ibu bapa.	
Nilai	Nilai kasih sayang.	
Pengajaran	Kita hendaklah menyayangi ibu bapa.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang sikap masyarakat yang tolong-menolong.	Penduduk Ogonshotto menolong presiden dan tiga orang rakannya yang keletihan setelah kapal mereka dilanda ribut taufan hingga tiba di perairan Ogonshotto.
Latar Masyarakat	Masyarakat yang mengamalkan sikap tolong-menolong.	
Nilai	Nilai tolong-menolong.	
Pengajaran	Kita hendaklah menolong orang yang berada dalam kesusahan.	

NOVEL NARATIF OGONSHOTTO : BAB 2 - JENERAL

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang sikap keprihatinan dalam masyarakat.	Jeneral dan isterinya ke-kampung-kampung nelayan atau ke bandar Ture untuk bertanya khabar atau menghulurkan bantuan kepada teman-teman sekampung halaman yang baru dikenali.
Perwatakan	Jeneral seorang yang pemurah/prihatin.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang pemurah/prihatin.	
Nilai	Nilai keprihatinan/ Nilai baik hati	
Pengajaran	Kita hendaklah bersikap pemurah.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang amalan menepati masa.	Jeneral tiba di restoran makanan laut tiga puluh minit selepas matahari terbenam kerana dia telah dilatih untuk menepati masa.
Perwatakan	Jeneral seorang yang menepati masa.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang menepati masa.	
Nilai	Nilai menepati masa.	
Pengajaran	Kita hendaklah bersikap menepati masa.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang kebijaksanaan dalam tindakan.	1. Jeneral bertindak bijak dengan memberikan pistol yang tidak berpeluru kepada pegawai kanan kerana ternyata pegawai itu cuba menembaknya. 2. Jeneral bijak mengatur strategi politik dengan dengan mengatakan dirinya tidak bertanding sebaliknya itu semua hanya taktik untuk menggembirakan hati pegawai kanan..
Perwatakan	Jeneral seorang yang bijak.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang bijak.	
Nilai	Nilai kebijaksanaan	
Pengajaran	Kita hendaklah bijak bertindak dalam apa-apa jua situasi.	

Kritikan Sosial	<ol style="list-style-type: none"> 1. <u>Kritikan sosial terhadap masyarakat yang suka menabur fitnah. Contohnya, pegawai kanan mengarahkan orang bawahannya menyebarkan fitnah bahawa jeneral dilahirkan di Pukana. Jeneral pula menyebarkan fitnah bahawa pegawai kanan dilahirkan di atas kapal semasa dalam pelayaran dari Tubua ke Ture.</u> 2. <u>Kritikan sosial terhadap masyarakat yang pandai berpura-pura. Contohnya, jeneral pandai berpura-pura dengan memakai pakaian seperti nelayan di Ture. Dia juga berpura-pura dengan mengatakan bahawa dia tidak akan bertanding tetapi dalam masa yang sama dia turut berkempen.</u> 3. <u>Kritikan sosial terhadap masyarakat yang sanggup membunuh demi mencapai matlamat diri. Contohnya, jeneral sanggup membunuh pegawai kanan kerana pegawai kanan itu menjadi saingannya untuk tuan wakil di Ture bagi menggantikan tuan wakil yang telah tua dan uzur.</u> 4. <u>Kritikan sosial terhadap masyarakat yang terlibat dalam rasuah. Contohnya, dua orang kuat Pegawai kanan mencadangkan hanya merasuah anggota komiti supaya anggota komiti berpaling tadah memilihnya.</u> 5. <u>Kritikan sosial terhadap masyarakat yang mahukan pengaruh dan kemewahan. Contohnya, Jeneral dan Pegawai Kanan berebut untuk mendapatkan pengaruh dan kedudukan dalam politik kerana parti politik pemerintah menyediakan kedudukan dan kemewahan.</u>
------------------------	--

Ciri Kepemimpinan Jeneral.

- a) **Berani dalam pertempuran.**
Jeneral telah berjaya dalam misi peperangan di Kiribati. Dia telah berjaya menembak berpuluh-puluh orang musuh.
- b) **Menepati masa.**
Jeneral tiba di restoran makanan laut untuk berjumpa dengan Tuan Wakil dan pegawai provinsi 30 minit selepas matahari terbenam.
- c) **Mahir dalam berkomunikasi.**
Jeneral memberitahu Pegawai Kanan Provinsi bahawa dia masih baru di Ture dan belum terfikir untuk bertanding, kata-katanya ini menyebabkan pegawai kanan telah mempercayainya.
- d) **Bijak dalam menangani situasi.**
Sebelum jeneral menyertai pertempuran di Kiribati, dia telah menghapuskan identiti asalnya. Namanya ditukar dan tempat kelahirannya juga dihapuskan daripada rekod pendaftaran demi keselamatan diri dan ahli keluarganya.

NOVEL NARATIF OGONSHOTTO : BAB 3 - PENYAMARAN

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang perasaan cinta akan alam sekitar.	Penduduk Tubua mengadakan protes kerana mereka menentang projek pembangunan yang akan memusnahkan alam sekitar di pedalaman Tubua.
Latar Masyarakat	Masyarakat yang cinta akan alam sekitar	
Nilai	Nilai cinta akan alam sekitar	
Pengajaran	Kita hendaklah mempunyai perasaan cintai alam sekitar dan menjaga alam sekitar agar tidak dimusnahkan demi pembangunan.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang sikap menghormati tetamu.	Ketua protes menyambut kedatangan lelaki tua yang tiba-tiba muncul dengan mesra dan mengajak lelaki tua itu bermalam di rumahnya.
Perwatakan	Ketua protes seorang yang menghormati tetamu.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang menghormati tetamu..	
Nilai	Nilai hormat-menghormati.	
Pengajaran	Kita hendaklah menghormati tetamu dan melayannya dengan mesra.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang kebijaksanaan dalam diri seseorang.	Lelaki tua yang dikatakan penyamar bijak menyamar dan menyembunyikan identitinya yang sebenar. Dia juga bijak melepaskan diri semasa demonstrasi.
Perwatakan	Lelaki tua seorang yang bijaksana.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang bijaksana.	
Nilai	Nilai kebijaksanaan.	
Pengajaran	Kita hendaklah bijak dalam segala tindakan atau bijak menghadapi apa-apa juga situasi.	

NOVEL NARATIF OGONSHOTTO : BAB 4 - AISBERG

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang sikap rajin melakukan sesuatu pekerjaan.	Lelaki tua dari Runakita rajin berusaha menggali kolam, mencari dan mengumpulkan kayu api, memagar kolam, membumbung dapur dan berulang-alik mengangkut air laut.
Perwatakan	Lelaki tua seorang yang rajin.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang rajin melakukan sesuatu pekerjaan.	
Nilai	Nilai kerajinan.	
Pengajaran	Kita hendaklah mempunyai sikap rajin dalam melakukan sesuatu pekerjaan.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang kebijaksanaan dalam bertindak.	2. lelaki tua bertindak bijak merebus air laut hingga menghasilkan titisan wap air yang mengalir melalui batang-batang buluh yang diletakkan di mulut periuk dan masuk ke dalam botol yang ditadah.
Perwatakan	Lelaki tua seorang yang bijak.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang bijak dalam bertindak.	
Nilai	Nilai kebijaksanaan.	
Pengajaran	Kita hendaklah bijak bertindak terutamanya ketika menghadapi saat genting.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang kegigihan melakukan sesuatu pekerjaan.	1. Lelaki tua gigih mengangkut air laut yang diisi dalam periuk besar dan mengumpulkan kayu api untuk menghasilkan air bersih dengan cara merebus air laut. 2. Lelaki tua gigih memagar dan menggali kolam untuk mendapatkan air bersih. Dia menggali hingga ke dasar tanah yang keras sedalam 20 kaki.
Perwatakan	Lelaki tua seorang yang gigih.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang gigih melakukan sesuatu pekerjaan.	
Nilai	Nilai kegigihan.	
Pengajaran	Kita hendaklah gigih dalam melakukan sesuatu pekerjaan.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang kesabaran dalam mengharapakan sesuatu.	1. Lelaki tua sabar menunggu titisan-titisan wap air yang terhasil daripada rebusan air laut memenuhi tujuh botol kosong yang dibelinya sebelum ini. 2. Lelaki tua tetap sabar dan terus menggali kolam dengan harapan mata air akan muncul dan kolamnya akan dipenuhi air.
Perwatakan	Lelaki tua seorang yang sabar.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang sabar dalam mengharapakan sesuatu.	
Nilai	Nilai kesabaran.	
Pengajaran	Kita hendaklah sabar dalam mengharapakan sesuatu.	

NOVEL NARATIF OGONSHOTTO : BAB 5 - MAINAN

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang kebijaksanaan menyesuaikan diri di tempat baharu.	Pemuda dari Banaba bijak menyesuaikan diri ketika menjadi anak angkat Presiden dan menjalani kehidupan baharu di istana presiden. Dia menyembunyikan kebolehnya yang fasih berbahasa Inggeris.
Perwatakan	Pemuda Banaba seorang yang bijak menyesuaikan diri di tempat baharu.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang bijak menyesuaikan diri di tempat baharu.	
Nilai	Nilai kebijaksanaan.	
Pengajaran	Kita hendaklah bijak menyesuaikan diri di tempat baharu..	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang kegigihan dalam melakukan sesuatu.	Pemuda Banaba gigih berlatih memburu dengan menggunakan sumpitan sebagai persediaan menyertai permainan tradisi Ogonshotto iaitu memburu haiwan peliharaan yang dilepaskan. Dia akan melepaskan tupai peliharannya dan akan memburu serta membunuh haiwan tersebut.
Perwatakan	Pemuda Banaba seorang yang gigih.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang gigih dalam melakukan sesuatu.	
Nilai	Nilai kegigihan.	
Pengajaran	Kita hendaklah berusaha gigih dalam melakukan sesuatu.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang kekejaman seorang pemerintah demi menjaga rahsia dirinya.	Presiden kejam kerana menjadikan pemuda Banaba sebagai buruannya. Presiden melepaskan tembakan dan mengarahkan tenteranya memotong lidah serta kedua-dua belah tangan pemuda Banaba kerana pemuda itu pernah membaca buku catatan peribadinya.
Perwatakan	Presiden seorang yang kejam / tidak berperikemanusiaan.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang sanggup bertindak kejam demi menjaga rahsia dirinya.	
Pengajaran	Kita janganlah mementingkan diri hingga sanggup bertindak kejam terhadap orang lain.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang ketabahan menghadapi musibah dalam kehidupan.	1. Pemuda Banaba tabah meredah hutan dalam kecederaan setelah lidah dan kedua-dua tangannya dipotong oleh tentera presiden. Dia meredah kegelapan malam sehingga dia diselamatkan oleh sekumpulan resi yang bertapa di dalam hutan. 2. Pemuda Banaba tabah meneruskan kehidupan dalam keadaan diri yang cacat kerana lidah dan kedua-dua tangannya telah dipotong oleh tentera presiden. Dia berlatih menulis dengan menggunakan kedua-dua kakinya kerana kedua-dua
Perwatakan	Pemuda Banaba seorang yang tabah.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang tabah menghadapi dugaan dalam kehidupan.	
Nilai	Nilai ketabahan.	
Pengajaran	Kita hendaklah tabah menghadapi dugaan dalam kehidupan.	

NOVEL NARATIF OGONSHOTTO : BAB 6 - PENTAFSIR

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang kepercayaan masyarakat terhadap fenomena alam yang dikaitkan dengan petanda tertentu.	Masyarakat Aitu percaya bahawa kejadian debu gunung berapi yang menyelubungi perkampungan mereka kehadiran bangkai paus yang terdampar di pantai Aitu membawa petanda tertentu.
Latar Masyarakat	.Masyarakat yang percaya terhadap fenomena alam yang dikaitkan dengan petanda tertentu.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang keberanian menyahut cabaran.	Resi muda berani menyahut cabaran dengan menyertai pertandingan mencipta ciptaan yang hidup yang dianjurkan sempena lawatan presiden ke Aitu.
Perwatakan	Resi muda seorang yang berani.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang berani menyahut cabaran.	
Nilai	Nilai keberanian.	
Pengajaran	Kita hendaklah berani untuk menyahut cabaran.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang kebijaksanaan dalam mencipta sesuatu.	Resi muda bijak mencipta ikan pancawarna daripada tanah liat yang diadun dengan pelbagai warna. Ikan-ikan itu diletakkan di gigi pantai dan kelihatan hidup apabila dilapisi air laut.
Perwatakan	Resi muda seorang yang bijak mencipta.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang bijak mencipta sesuatu.	
Pengajaran	Kita hendaklah bijak untuk memenangi sesuatu pertandingan yang disertai.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang sikap pemimpin yang mempersendakan kebijaksanaan rakyat.	Presiden mempersendakan resi muda yang berjaya menyahut cabarannya mencipta ciptaan yang hidup dengan mencampakkan hadiah kelapa emas ke laut. Kelapa emas itu sebenarnya hanya sebiji kelapa yang dicat dengan warna emas.
Perwatakan	Presiden seorang yang tidak suka menghargai kelebihan orang lain.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang bijak mencipta sesuatu.	
Pengajaran	Kita hendaklah bijak untuk memenangi sesuatu pertandingan yang disertai.	

NOVEL NARATIF OGOSSHOTTO : BAB 7 - JARI

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang keberanian menyuarakan pendapat yang benar.	Guru kidal berani menulis artikel mengkritik presiden yang diterbitkan dalam akhbar di Ogonshotto.
Perwatakan	Guru kidal seorang yang berani.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang berani	
Nilai	Nilai keberanian.	
Pengajaran	Kita hendaklah berani menyuarakan pendapat yang benar.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang ketaatan pada arahan ketua.	Guru kidal segera berpindah ke Kuri apabila menerima arahan daripada ketuanya.
Perwatakan	Guru kidal seorang yang taat kepada ketua.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang taat kepada ketua.	
Nilai	Nilai ketaatan.	
Pengajaran	Kita hendaklah menjadi pekerja yang taat pada arahan ketua.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang janji yang mesti ditepati.	Guru kidal <i>berjanji untuk</i> mengerat jari manisnya jika kerajaan Ogonshotto tidak mengambil tindakan setelah artikelnya diterbitkan di dalam akhbar. Dia telah menunaikan janjinya setelah dia ditukarkan ke ke Kuri.
Perwatakan	Guru kidal seorang yang berpegang pada janji.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang berpegang pada janji.	
Nilai	Nilai berhati-hati.	
Pengajaran	Kita hendaklah berhati-hati apabila membuat janji agar tidak memudaratkan diri sendiri.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang tanggungjawab seorang guru.	Guru kidal merupakan guru yang mengajar sains di sekolah dan bertanggungjawab menyampaikan maklumat kepada pelajarannya.
Perwatakan	Guru kidal seorang yang bertanggungjawab.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang bertanggungjawab.	
Nilai	Nilai tanggungjawab.	
Pengajaran	Kita hendaklah bertanggungjawab dalam pekerjaan.	

NOVEL NARATIF OGONSHOTTO : BAB 8 - KAMERA

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang kebijaksanaan seseorang hingga mampu mencipta peralatan yang canggih.	Dia/ Pemuda dari Runakita bijak mencipta kamera eksperimental yang boleh merakam peristiwa yang berlaku pada masa lalu.
Perwatakan	Dia/ Pemuda dari Runakita seorang yang bijak.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang bijak.	
Nilai	Nilai kebijaksanaan.	
Pengajaran	Kita hendaklah memanfaatkan kebijaksanaan untuk kebaikan diri dan masyarakat.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang sikap menghargai masa.	Semasa dalam penerbangan, dia/ pemuda dari Runakita mengutuk dirinya sendiri kerana masanya terbuang begitu saja. Semua barangan elektronik yang dibelinya berada di kabin, jika tidak dia boleh memanfaatkan masa tersebut untuk memasang kamera eksperimentalnya.
Perwatakan	Dia/ Pemuda dari Runakita seorang yang menghargai masa.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang menghargai masa dan tidak suka membuang masa dengan sia-sia.	
Pengajaran	Kita hendaklah menghargai masa dan tidak membuang masa dengan sia-sia.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang keberanian untuk mendapatkan pengadilan.	Dia/ Pemuda dari Runakita berani membawa pembunuh abangnya ke muka pengadilan setelah dapat merakam peristiwa pembunuhan tersebut dengan menggunakan kamera eksperimental ciptaannya.
Perwatakan	Dia/ Pemuda dari Runakita seorang yang berani demi mendapatkan keadilan atas pembunuhan abangnya.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang berani demi mendapatkan pengadilan.	
Nilai	Nilai keberanian.	
Pengajaran	Kita hendaklah berani demi mendapatkan pengadilan.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang keinsafan atas kesalahan dan dosa yang pernah dilakukan.	Lelaki bekas komandan yang tua dan uzur memohon maaf kepada semua pihak atas kesilapan sepanjang perhidmatannya dalam angkatan tentera.
Perwatakan	Lelaki bekas komandan seorang yang insaf akan kesalahan dirinya.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang menginsafi kesalahan yang telah dilakukan.	
Nilai	Nilai keinsafan.	
Pengajaran	Kita hendaklah menginsafi dan memohon maaf atas kesalahan yang dilakukan.	

NOVEL NARATIF OGONSHOTTO : BAB 9 - BAHTERA

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang kegigihan dalam melakukan sesuatu perkara.	Nakhoda berusaha gigih untuk membina bahtera kerana percaya Ogonshotto akan dilanda gempa besar setelah dia melihat penyus raksasa pada satu senja.
Perwatakan	Nakhoda seorang yang gigih.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang gigih berusaha.	
Nilai	Nilai kegigihan.	
Pengajaran	Kita hendaklah berusaha gigih jika ingin berjaya dalam apa-apa jua perkara yang dilakukan.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang ketabahan seseorang dalam menghadapi sikap buruk masyarakat.	Nakhoda tabah menghadapi ejekan masyarakat yang tidak percaya tentang penyus raksasa yang dikatakan membawa alamat buruk. Mereka juga mengejek usahanya untuk membina bahtera.
Perwatakan	Nakhoda seorang yang tabah menghadapi ejekan masyarakat.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang tabah menghadapi ejekan.	
Pengajaran	Kita hendaklah tabah menghadapi sikap buruk masyarakat.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang kepakaran dalam sesuatu bidang.	Nakhoda menggunakan ilmu dan kemahirannya sebagai tukang bahtera 20 tahun yang lampau untuk membina bahtera yang besar dan mampu membawa ramai penduduk Ogonshotto.
Perwatakan	Nakhoda seorang tukang bahtera yang mahir.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang mahir sebagai tukang bahtera.	
Nilai	Nilai keberanian.	
Pengajaran	Kita hendaklah mempunyai kemahiran dalam bidang yang tertentu.	

ASPEK		CONTOH
Persoalan	Persoalan tentang sikap baik hati dalam masyarakat.	Nakhoda membenarkan tiga orang penduduk yang berpenyakit menaiki bahtera tetapi mereka ditinggalkan supaya tidak menjangkiti penumpang yang lain.
Perwatakan	Nakhoda seorang yang baik hati.	
Latar Masyarakat	Masyarakat yang baik hati.	
Nilai	Nilai baik hati.	
Pengajaran	Kita hendaklah mempunyai sikap baik hati dan menolong orang yang memerlukan pertolongan.	

Keperibadian unggul watak Nakhoda

- Sabar menghadapi celaan daripada Masyarakat**
Nakhoda bersabar apabila dirinya diejek oleh penduduk di warung kopi ketika ingin menyampaikan cerita tentang penyus raksasa.
- Bijak dalam merancang sesuatu perkara**
Nakhoda merancang perkara yang perlu dilakukan sebelum membina bahtera yang akan membawa mereka belajar nanti.
- Tidak mudah berputus asa dalam sesuatu perkara**
Nakhoda tidak pernah berasa berputus asa menceritakan perihal penyus raksasa kepada penduduk kampung sehinggalah mereka mempercayainya dan pengikut Nakhoda semakin hari semakin bertambah
- Prihatin terhadap penyakit yang dihadapi oleh penduduk**
Nakhoda bertanyakan keadaan penyakit yang dialami oleh penduduk dan mengarahkan mereka untuk berehat di gudang dahulu sebelum menaiki bahtera
- Tenang menghadapi cabaran dan masalah**
Nakhoda sendiri yang masuk ke dalam bahtera untuk menyalut lima orang penumpang yang terlepas masuk ke dalam bahtera.
- Ketua yang sangat berdedikasi dalam bekerja**
Nakhoda mengarahkan penduduk kampung menyediakan peralatan untuk membina bahtera dengan segera sebelum penyus raksasa keluar dari gua

Ciri Kepemimpinan Watak Nakhoda

- 1. Pemimpin yang bertanggungjawab dalam menjalankan tugas**
Nakhoda bertanggungjawab dalam memastikan bahtera yang dirancangnya siap megikut waktu yang telah ditetapkan dengan sentiasa memantau pekerjaanya.
- 2. Pemimpin yang tidak berputus asa dalam tindakan.**
Nakhoda berusaha dan tidak berputus asa meyakinkan rakyat Ogonshoto supaya bersamanya menaiki bahtera kerana percaya malapetaka akan menimpa Ogonshoto.
- 3. Pemimpin yang bijak membuat perancangan.**
Nakhoda bijak merancang dalam menentukan keperluan untuk membina bahtera dan mengumpulkan para pekerjaanya.
- 4. Pemimpin yang tegas dalam membuat keputusan.**
Nakhoda tegas dalam membuat keputusan apabila ada tiga orang sakit yang ingin naik ke bahtera tetapi dihalang oleh nakhoda kerana takut akan menjangkiti orang lain.
- 5. Pemimpin yang bertolak ansur terhadap orang lain.**
Nakhoda membenarkan tiga orang yang berpenyakit naik ke bahtera kerana nakhoda beranggapan mereka akan dapat membantu nakhoda apabila dalam bahtera kelak

PERSOALAN DALAM KESELURUHAN NOVEL

1. **Persoalan keberanian dalam melakukan sesuatu tindakan**
Presiden berani menaiki sebuah kapal ke Eropah ketika berumur tujuh tahun tanpa pengetahuan ibu dan rakannya.
2. **Persoalan kasih sayang terhadap ibu / keluarga**
Presiden tetap menyayangi ibunya apabila meminta orang ramai untuk mencari ibunya kerana beliau ingin memeluk ibunya setelah merantau lebih dua puluh tahun di tanah Eropah.
3. **Persoalan semangat patriotik / cinta akan negara yang mendalam**
Presiden memberitahu orang yang membawanya ke tepi pantai bahawa kepulangannya kerana semangat cinta akan Ogonshoto walaupun sudah lebih 20 tahun dia meninggalkan kampung halamannya.
4. **Persoalan kebijaksanaan dalam bertindak**
Presiden bijak dalam politik apabila telah menyertai parti politik paling popular yang ditadbir oleh pihak polis, tentera dan karyawan umum.
5. **Persoalan kesyukuran kepada Tuhan**
Ibu dan ahli keluarga pemuda Banaba pergi ke gereja untuk memanjatkan rasa gembira kepada Tuhan kerana pemuda Banaba yang hilang telah ditemui oleh sekumpulan penduduk di pantai barat Gora-Gora.
6. **Persoalan kegigihan / kesungguhan dalam melakukan sesuatu pekerjaan**
Lelaki tua gigih berusaha seorang diri dengan mengorek tanah dan berulang alik mengangkut air laut untuk disuling bagi mengatasi masalah kekurangan air pada musim kemarau.
7. **Persoalan sikap murah hati terhadap masyarakat**
Jeneral dan isterinya ke kampung-kampung nelayan atau ke Bandar Ture untuk bertanya khabar atau menghulurkan bantuan kepada teman-teman sekampung halaman yang baru dikenali.
8. **Persoalan ketaatan / kepatuhan terhadap pemimpin / ketua / pemerintah**
Pegawai Kanan dan Jeneral taat / patuh kepada arahan Presiden supaya hadir ke restoran makanan laut untuk berbincang.
9. **Persoalan ketabahan menghadapi dugaan**
Pemuda Banaba tabah meneruskan kehidupan setelah menjadi mangsa kekejaman bapa angkatnya iaitu Presiden.
10. **Persoalan keinsafan akan kesalahan yang telah dilakukan**
Bekas komandan insaf terhadap perbuatannya semasa berkuasa sehingga menyebabkan kematian abang pemuda pencipta kamera eksperimental.
11. **Persoalan menepati masa**
Jeneral menepati masa dengan datang awal dalam pertemuan bersama Tuan Wakil dan Pegawai Kanan Provensi.
12. **Persoalan cinta akan alam sekitar**
Penduduk pedalaman Tubua memprotes Pembangunan di Tubua kerana Pembangunan tersebut akan memusnahkan alam sekitar.
13. **Persoalan simpati / belas kasihan terhadap orang lain**
Resi bersimpati dengan nasib Pemuda Banaba yang malang dan membantu merawat pemuda tersebut yang cedera.